Quorum excludes, 10(1)  
Residuary powers, 87  
Responsible for observance of rules or order, 39  
During adjournment, calls Dewan together on an earlier day, 8(3)

**Special Select Committees** see Committees, Special Select

### **Standing Orders**

Amendments proposed to, 69(2)  
Failure to comply, 87  
Interpretation, 90  
Suspension of, 80(1)

### **Strangers**

Admission of, to chamber of Dewan, 83(1)  
Notice taken of, presence of, duty of Chair, 83(2) (3)  
Serjeant-at-Arms, duties as to, 83(4)

### **Supply Bill**

Committal of, 65(4)  
Committee of Supply—  
Days allotted for discussion in, 65(6)  
Debate in, scope of, 65(3)  
Deliberations in, 65(3) (5)  
Schedules, consideration of, 65(6) (8); dealt with before clauses, 65(9);  
amendments to, notice of, 65(5) (6); increases of sums allocated, 66(3)  
Introduction of, 63, 64, 65(1)  
Report to Dewan on, 66(17)  
Second Reading of—  
Debate on, adjourned, 65(3); days allotted for, 65(3); scope of, 65(3)  
On same, day, 44  
Third Reading of—  
Motion for, to be decided without amendment or debate, 66(18)

## **Supply Bill, Supplementary**

Committal, 67(4)

Committee of Supply—

    Consideration without debate, 67(4)

    Procedure in, 67(5) (6)

Second Reading, scope of debate on, 67(4)

Report to Dewan, 67(7)

Third Reading of, 67(8)

    Motion for, to be decided without amendment or debate, 67(8)

## **Votes and Proceedings**

Circulation of copies of, to members, 6(5)

Custody of, 6(7)

Divisions Lists, 43(1)

Errors in, 6(6)

Inspection of, by members, 6(7)

Kept by Secretary, 6(5)

Particulars to be recorded in, 6(6), 17(3)

Signed by Speaker, 6(6)

## **Voting**

Absent members, 41(2)

Collection of voices, 42(3)

Members personal pecuniary interest, 43(5)

On private Bills, 46(4); Motion to disallow vote, 43(5)

## **Witnesses**

Expenses of, 85

Submission of witness list, 75(10)



***PERATURAN-PERATURAN  
MESYUARAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK***

- \* Usul meminda telah diluluskan pada 15 November dan berkuatkuasa pada 1 Disember 2011

# KANDUNGAN

## URUSAN MESYUARAT

<i>Peraturan Mesyuarat</i>	<i>Muka Surat</i>
1. Perjalanan Mesyuarat Bagi Mesyuarat Kali Pertama Dewan selepas Pilihanraya Umum atau pemprorogasian .....	1
2. Menetapkan kerusi ahli-ahli .....	1
3. Sumpah atau Ikrar .....	1
4. Pengerusi Dewan .....	2
5. Bahasa .....	3
6. Tugas-tugas Setiausaha .....	3
7. Penyata-penyata Rasmi .....	4
8. Penggal dan Mesyuarat .....	5
9. Sidangan .....	5
10. Kuorum .....	5
11. Aturan Urusan Mesyuarat .....	6
12. Susunan Urusan Mesyuarat .....	7
13. Menangguhkan Dewan .....	8
14. Usul Penangguhan - Berakhirnya Sidangan .....	8
15. Penangguhan Mesyuarat — berkenaan kepentingan Awam .....	9
16. Petisyen .....	10
17. Kertas-Kertas Mesyuarat .....	11
18. Pertanyaan-Pertanyaan .....	12
19. Notis berkenaan dengan Pertanyaan-Pertanyaan .....	12
20. Isi Kandungan Pertanyaan .....	13
21. Cara mengemukakan atau menjawab Pertanyaan .....	16
22. Penerangan Sendiri .....	17
23. Notis Usul .....	18
24. Cara mengeluarkan Notis .....	21
25. Mengubah isi Usul .....	21
26. Menarik balik Notis-notis Usul .....	21
27. Meminda Usul-Usul .....	22
28. Menyokong Usul-Usul dan pindaan-pindaan .....	22
29. Cara membahaskan Usul dan pindaan Usul .....	23
30. Menarik balik Usul dan Pindaan .....	25

## PERATURAN-PERATURAN PERBAHASAN

31. Masa dan Cara Berucap .....	25
32. Isi Kandungan Ucapan .....	26
33. Gangguan .....	28
34. Skop Perbahasan .....	28
35. Mendahului Perbahasan .....	29
36. Menutup Perbahasan .....	30
37. Tingkah laku ahli-ahli yang tidak berucap .....	30
38. Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi berucap .....	31
39. Keputusan Pengerusi adalah muktamad .....	31
40. Tertib dalam Dewan .....	31
41. Memutuskan persoalan-persoalan .....	33
42. Undi dengan suara .....	34
43. Belah-bahagian .....	34

## PROSEDUR RANG UNDANG-UNDANG

44. Membawa Rang Undang-Undang dan Bacaan kali Pertama .....	35
45. Rang Undang-Undang daripada Ahli Dewan Biasa .....	36
46. Rang Undang-Undang Ahli Dewan Biasa dan Rang Undang-Undang Campuran .....	36
47. Bentuk Rang Undang-Undang .....	38
48. Penerbitan Ordinan .....	39
49. Pihak-pihak yang terjejas dengan Rang Undang-Undang .....	39
50. Bacaan kali Kedua .....	39
51. Penyerahan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa .....	40
52. Fungsi-fungsi Jawatankuasa membincang Rang Undang-Undang ....	40
53. Jawatankuasa seluruh Dewan .....	41
54. Prosedur dalam Jawatankuasa seluruh Dewan yang membincang Rang Undang-Undang .....	41
55. Prosedur dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-Undang .....	44
56. Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan .....	44
57. Perbincangan atas Rang Undang-Undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan .....	45
58. Bacaan kali Ketiga .....	46
59. Menarik balik dan menangguhkan Rang Undang-Undang .....	46



60.	Rang Undang-Undang yang pada sebahagian besarnya mengandungi peruntukan-peruntukan yang hampir-hampir sama maksudnya .....	46
61.	Terluputnya Rang Undang-Undang .....	47
62.	Pengetepian kehendak mencetakkan Rang Undang-Undang .....	47

### **PROSEDUR KEWANGAN**

63.	Anggaran-Anggaran Perbelanjaan Tahunan .....	47
64.	Anggaran Pembangunan Tahunan .....	47
65.	Prosedur membahas Rang Undang-Undang Perbekalan dan menimbangkan Anggaran-Anggaran Pembangunan Tahunan .....	47
66.	Prosedur dalam Jawatankuasa Perbekalan .....	50
67.	Prosedur membahas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan menimbangkan Anggaran-Anggaran Pembangunan Tambahan ..	54
68.	Perbelanjaan masuk akaun .....	56

### **JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PILIHAN**

69	Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan .....	57
70.	Jawatankuasa Akaun Awam .....	57
71.	Jawatankuasa Dewan .....	58
72.	Jawatankuasa Petisyen Awam .....	59
73.	Jawatankuasa Hak Keistimewaan .....	59
74.	Jawatankuasa Pilihan Khas .....	60
75.	Prosedur dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan .....	61
76.	Belah-bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan .....	64
77.	Menyiarkan keterangan sebelum masanya .....	64
78.	Penyata-penyata daripada Jawatankuasa Pilihan .....	65

### **PELBAGAI**

79.	Rang Undang-Undang dan pindaan-pindaan yang melibatkan percukaian, Perbelanjaan .....	65
80.	Pengantungan Peraturan-Peraturan Mesyuarat .....	66
81.	Ketidakhadiran Ahli-Ahli .....	66
82.	Penggajian Ahli-Ahli atas sifat professional .....	66
83.	Orang-Orang Luar .....	66
84.	Pihak Akhbar .....	67
85.	Perbelanjaan bagi Saksi-Saksi .....	67
86.	Putusan pendapat Speaker .....	67

87. Kegagalan mematuhi Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini tidak membatalkan Perjalanan Mesyuarat atau Keputusan .....	67
88. Pencetak-pencetak yang dibenarkan .....	68
89. Kuasa-kuasa Bakian .....	68
90. Tafsiran .....	68

## DOA

### **Bismillahir Rahmanir Rahim**

Ya Allah, sesungguhnya Engkau adalah Tuhan yang mempunyai kebesaran dan keagungan, yang memerintah dan mentadbir alam sekalian. Tiada berlaku sesuatu melainkan dengan kehendak dan kekuasaan daripada-Mu jua. Kepada Engkau adalah sebenar-benarnya tempat kami meletakkan harapan dan memohon pertolongan.

Ya Allah, apalah kiranya dengan kemurahan-Mu, Engkau anugerahkan kepada kami sebaik-baik ilham dan fikiran, dan berikanlah kami sebaik-baik pimpinan untuk menjalankan tugas dan kewajipan kami. Mudahkan kepada kami segala kerumitan dalam menyelesaikan persoalan-persoalan yang diperbahaskan di dalam sidangan kami ini, dan sampaikanlah kami kepada kata sepakat dan tujuan-tujuan yang muktamad demi untuk kepentingan dan kebaikan negara.

Seterusnya, kepada Engkau adalah juga kami harapkan agar segala usaha dan cita-cita kerajaan dalam rancangan-rancangan pembangunannya akan berhasil dan berjaya untuk membawa kemakmuran, keadilan dan kebahagiaan kepada rakyat seluruhnya.

Amin.

**PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK  
2002**

**URUSAN MESYUARAT**

- Perjalanan Mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Dewan selepas Pilihanraya Umum atau Pempro-gasian.
1. (1) Pada hari mula-mula diadakan mesyuarat Dewan selepas pilihanraya umum atau pemprorogasian, ahli-ahli yang telah berhimpun pada waktu dan di tempat yang ditetapkan dengan sempurnya dan setelah ahli-ahli duduk di kerusi mereka masing-masing mengikut Peraturan Mesyuarat 2, Setiausaha hendaklah membacakan Proklamasi memanggil mesyuarat lalu Speaker hendaklah, selepas mana-mana ahli baru yang hadir telah mengangkat dan menandatangani Sumpah sebagaimana yang dikehendaki di bawah Perkara 22 Perlembagaan Negeri Sarawak, memberitahu Dewan sama ada Yang di-Pertua Negeri berhasrat hendak berucap kepada Dewan, dan jika hendak berucap, sidangan itu hendaklah digantungkan sehingga suatu masa yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri.
- (2) Setelah selesainya ucapan Yang di-Pertua Negeri, Speaker hendaklah menangguhkan Dewan atau menggantungkan sidangan kepada suatu tarikh atau waktu yang akan diputuskannya:
- Dengan syarat bahawa jika seseorang Menteri telah memaklumkan niatnya bahawa sesuatu Rang Undang-Undang Perbekalan, yang mengandungi anggaran tentang keperluan-keperluan kewangan untuk perbelanjaan bagi semua perkhidmatan Kerajaan bagi tahun berkenaan atau tahun yang berikutnya, hendaklah dikemukakan dalam sidangan yang itu juga, maka Speaker hendaklah sama ada memanggil Menteri itu segera mengemukakan Rang Undang-Undang itu atau menggantungkan sidangan itu sehingga suatu masa yang akan ditetapkan olehnya.
- Menetapkan kerusi Ahli-Ahli.
2. Pada hari yang pertama diadakan mesyuarat Dewan selepas pilihanraya umum atau pemprorogasian dan selepasnya itu, ahli-ahli hendaklah mengambil tempat duduk mengikut apa-apa peraturan sebagaimana yang diputuskan oleh Speaker dan keputusannya mengenai tempat duduk itu adalah muktamad.
- Sumpah atau Ikrar.
3. (1) Sumpah yang hendak diangkat sebagaimana yang dikehendaki oleh Perkara 22 Perlembagaan Negeri Sarawak hendaklah dikendalikan oleh Setiausaha, dan setiap ahli yang mengangkat Sumpah

hendaklah menandatangani buku yang disimpan bagi maksud itu oleh Setiausaha.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), pada bila-bila jua harinya Dewan bersidang, seseorang ahli yang belum lagi mengangkat Sumpah bolehlah hadirkan diri di Meja Mesyuarat pada masa yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 11, dan berikutan dengan itu dia hendaklah mengangkat Sumpah dan menurunkan tandatangan dalam buku sumpah.

(3) Seseorang ahli boleh, pada bila-bila masa apabila Dewan dalam tanguhan, mengangkat dan menandatangani Sumpah tersebut di hadapan Speaker; dan dalam apa-apa hal seperti itu Speaker hendaklah memaklumkan kepada Dewan dalam sidangannya yang akan datang bahawa ahli itu sudah mengangkat Sumpah dan menandatangani buku sumpah di hadapannya.

(4) Mengikut Perkara 22B Perlembagaan Negeri Sarawak, seseorang ahli hendaklah dibenar, jika dia berhasrat berbuat sedemikian, mematuhi kehendak mengangkat dan menandatangani Sumpah itu dengan membuat dan menandatangani ikrar.

Pengerusi  
Dewan.

4. (1) Speaker hendaklah mempengerusikan semua sidangan Dewan dan hendaklah menjadi Pengerusi dalam Jawatankuasa seluruh Dewan, termasuk Jawatankuasa Perbekalan.

(2) Apabila ketidakhadiran atau ketidakupayaan untuk bertindak atau kekosongan dalam jawatan Speaker diumumkan oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat, Timbalan Speaker hendaklah mempengerusikan mesyuarat, atau apabila ketidakhadiran atau ketidakupayaan untuk bertindak atau kekosongan dalam jawatan Timbalan Speaker diumumkan oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat, Dewan boleh atas usul seorang Menteri meminta mana-mana ahli yang hadir, selain Ketua Menteri, mempengerusikan perjalanan mesyuarat Dewan dan bertindak buat sementara waktu sebagai Speaker. Usul itu hendaklah disokong dan persoalan itu hendaklah dikemukakan oleh Setiausaha kepada Dewan. Tiada perbahasan dibenarkan ke atas usul itu.

(3) Speaker boleh, semasa ketidakhadiran Timbalan Speaker, dalam satu-satu sidangan meminta seseorang ahli menjadi Pengerusi buat sementara waktu, tanpa memaklumkan Dewan secara formal mengenainya.

(4) Ahli yang mempengerusikan mesyuarat di bawah perenggan (2) atau ahli yang menjadi Pengerusi buat sementara waktu di bawah perenggan (3) tetaplah terletak hak dengan segala kuasa Speaker.

Bahasa. 5. Bahasa bagi Dewan hendaklah Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris, tetapi seseorang ahli boleh berucap kepada Dewan dalam apa-apa bahasa Bumiputera lain. Ucapan-ucapan dalam bahasa Inggeris atau dalam apa-apa bahasa Bumiputera lain boleh diterjemahkan sebagaimana dan bilamana diarahkan oleh Speaker.

Tugas-tugas Setiausaha. 6. (1) Setiausaha hendaklah, tidak kurang daripada dua puluh lapan hari genap sebelum tarikh sesuatu mesyuarat, menghantar kepada setiap ahli Dewan notis tentang tarikh sidang pertama:

Dengan syarat bahawa, dalam hal-hal kecemasan yang diperakui oleh dua orang Menteri, Speaker boleh, menurut budi bicaranya, mengurangkan atau mengetepikan sama sekali tempoh notis itu.

(2) Jika, selepas notis telah diberikan sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan (1), ternampak kepada Ketua Menteri bahawa tidak mudah untuk Dewan bermesyuarat pada hari yang ditetapkan itu, maka dia hendaklah menangguhkan mesyuarat itu kepada suatu hari yang kemudian. Notis tidak kurang daripada dua hari tentang penangguhan itu hendaklah dihantar kepada setiap ahli Dewan oleh Setiausaha.

(3) Setiausaha hendaklah menghantar satu salinan Aturan Urusan Mesyuarat bagi setiap mesyuarat kepada setiap ahli dengan seberapa segera yang mungkin sebelum sidang pertama bagi mesyuarat itu dan hendaklah memasukkan sesalinannya ke dalam Buku Mesyuarat.

(4) Setiausaha hendaklah menyediakan kepada setiap ahli dengan seberapa segera yang mungkin sebelum setiap sidang salinan Aturan Urusan Mesyuarat berkenaan dengan sidang itu.

(5) Setiausaha hendaklah menyimpan Minit-Minit Perjalanan Mesyuarat Dewan dan Jawatankuasa seluruh Dewan, dan hendaklah mengedarkan satu salinan Minit-Minit itu, yang dikenali sebagai Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat, pada keesokan harinya bagi setiap sidang Dewan, atau dengan seberapa segera yang praktik.

(6) Dalam Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat itu hendaklah direkodkan nama ahli-ahli yang hadir dan segala keputusan Dewan dan, jika berlaku belah-bahagian dalam Dewan atau Jawatankuasa seluruh Dewan, buku itu hendaklah mengandungi bilangan ahli-ahli yang bersetuju dan ahli-ahli yang tidak bersetuju, nama ahli-ahli yang mengundi dan bilangan serta nama ahli-ahli yang hadir tetapi tidak mengundi. Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat itu boleh diperbetulkan oleh Setiausaha atas arahan Speaker.

(7) Setiausaha hendaklah bertanggungjawab atas penjagaan Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat, rekod, Rang Undang-Undang dan dokumen-dokumen lain yang telah dibentangkan dalam Dewan, dan buku itu hendaklah terbuka untuk diperiksa oleh ahli-ahli Dewan dan orang-orang lain mengikut peraturan yang diizinkan oleh Speaker.

Penyata-  
Penyata  
Rasmi.

7. (1) Suatu penyata rasmi tentang semua ucapan yang dibuat dalam Dewan dan dalam Jawatankuasa seluruh Dewan hendaklah disediakan di bawah pengawasan Setiausaha.

(2) Penyata rasmi itu hendaklah disiarkan dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang diarahkan oleh Speaker, dan sesalinannya hendaklah dihantar kepada setiap ahli dengan seberapa segera yang praktik selepas selesainya setiap mesyuarat itu.

(3) Salinan rekod ucapan seseorang ahli hendaklah dihantar kepada ahli itu sebelum ia disiarkan. Jika ahli itu tidak kembalikan salinan itu kepada Setiausaha dalam masa dua minggu dari tarikh salinan itu dihantar kepadanya, maka ucapan itu hendaklah disiarkan tanpa pembetulan.

(4) Jika seseorang ahli mempertikaikan tentang ketepatan rekod mana-mana ucapannya atau meminta dibuat apa-apa perubahan matan pada rekod itu, maka Speaker hendaklah membuat keputusan mengenainya dan ucapan itu hendaklah disiarkan mengikut putusan pendapatnya itu yang hendaklah disampaikan kepada ahli yang berkenaan dan putusan pendapat itu adalah muktamad.

(5) Tiada seorang ahli boleh, selepas keputusan dibuat oleh Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 7(4) menerbit, memberi atau mengedar, mana-mana dokumen yang mengandungi ucapan yang dibuat di dalam Dewan oleh ahli tersebut atau mana-mana ahli lain yang berbeza dalam sebarang perkara daripada apa yang telah diarahkan

oleh Speaker untuk diterbitkan atau yang telah diterbitkan dalam rekod rasmi.

Penggal dan Mesyuarat.

8. (1) Sidangan pertama Dewan bagi setiap satu penggal hendaklah diadakan di mana-mana tempat, pada bila-bila hari dan pada bila-bila waktu sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertua Negeri melalui Proklamasi.

(2) Tertakluk kepada perenggan (1), tarikh-tarikhnya yang Dewan hendak bermesyuarat dalam penggal itu hendaklah diputuskan oleh Ketua Menteri:

Dengan syarat bahawa Ketua Menteri boleh mengubah dari semasa ke semasa tarikh-tarikh yang ditetapkan itu dengan memberi tidak kurang daripada tiga hari notis kepada Speaker.

(3) Jika, semasa Dewan dalam tangguhan, Ketua Menteri memaklumkan kepada Speaker bahawa kerana kepentingan awam mustahaklah yang Dewan patut bersidang pada suatu tarikh yang lebih awal daripada tarikh yang Dewan itu ditangguhkan, maka Speaker hendaklah memberi notis mengenainya dengan serta-merta dan Dewan hendaklah bermesyuarat pada masa yang dinyatakan dalam notis itu. Urusan bagi hari itu hendaklah ditetapkan oleh Ketua Menteri dan notis mengenainya hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli tidak lewat daripada masa hendak diadakan mesyuarat itu.

Sidangan.

9. (1) Melainkan jika diputuskan selainnya oleh Speaker, setiap sidangan hendaklah bermula pada pukul 9.00 pagi dan diteruskan sehingga pukul 6.30 petang atau selesainya lebih awal atau ditangguhkan segala urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

(2) Walau apa pun yang tersebut dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat di atas, Speaker boleh pada bila-bila masa menggantungkan sidangan atau menangguhkan Dewan.

Kuorum.

10. (1) Kuorum bagi Dewan dan Jawatankuasa seluruh Dewan hendaklah tidak kurang daripada satu per tiga dari jumlah ahli, tidak termasuk Pengerusi.

(2) Jika mana-mana ahli menarik perhatian Pengerusi kepada hakikat bahawa tidak adanya kuorum, maka ahli-ahli di luar Dewan mesyuarat hendaklah dipanggil masuk ke dalam Dewan seolah-olah memanggil ahli kerana hendak diadakan belah-bahagian.



(3) Setelah ahli-ahli itu dipanggil masuk ke dalam Dewan, Speaker hendaklah, selepas tamatnya tempoh lima minit, membilang jumlah ahli yang berada dalam Dewan. Jika tidak juga ada kuorum, maka Speaker hendaklah menggantungkan sidangan itu selama tempoh masa tertentu atau menangguhkan Dewan tanpa mengemukakan persoalan itu kepada mesyuarat bagi diputuskan sehinggalah hari sidangan yang akan datang.

(4) Setelah ahli-ahli itu dipanggil masuk ke dalam Jawatankuasa seluruh Dewan, Pengerusi hendaklah, selepas tamatnya tempoh lima minit, membilang jumlah ahli yang berada dalam Jawatankuasa. Jika tidak juga ada kuorum, maka Pengerusi hendaklah berhenti menjadi Pengerusi dan sidangan Dewan hendaklah disambung semula dan Speaker hendaklah membilang jumlah ahli yang berada dalam Dewan. Jika didapati cukup kuorum, Dewan hendaklah sekali lagi bersidang sebagai Jawatankuasa; tetapi jika tidak juga ada kuorum, Speaker hendaklah menggantungkan sidangan selama tempoh masa tertentu atau menangguhkan Dewan tanpa mengemukakan persoalan itu kepada mesyuarat bagi diputuskan sehinggalah hari sidangan yang akan datang.

(5) Jika, mengikut bilangan ahli yang mengambil bahagian dalam sesuatu belah-bahagian, termasuk ahli-ahli yang tidak mengundi, ternampak kepada Pengerusi bahawa kuorum tidak cukup, maka belah-bahagian itu adalah tidak sah dan urusan yang sedang dibincangkan itu hendaklah dtempohkan sehingga sidangan mesyuarat yang akan datang dan urusan selepasnya itu hendaklah terus dijalankan.

Aturan  
Urusan  
Mesyuarat.

11. (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan, urusan bagi setiap sidangan hendaklah dijalankan mengikut susunan yang berikut:-

- (a) Speaker masuk ke dalam Dewan secara formal.
- (b) Doa.
- (c) Pengendalian Sumpah.
- (d) Titah Yang di-Pertua Negeri.
- (e) Pemasyhuran daripada Speaker.
- (f) Petisyen-petisyen.
- (g) Pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut oleh Menteri.
- (h) Permintaan mendapatkan kebenaran untuk mencadangkan penangguhan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang mustahak dan berkehendak disegerakan.

- (i) Penerangan daripada Menteri-Menteri.
- (j) Ucapan pujian.
- (k) Ucapan takziah.
- (l) Memberi penerangan sendiri.
- (m) Membawa Rang Undang-Undang Kerajaan ke dalam mesyuarat (Bacaan Kali Pertama).
- (n) Usul-usul hendak mengemukakan Rang Undang-Undang bukan tajaan Kerajaan.
- (o) Urusan awam.
- (p) Butiran-butiran urusan lain mengikut susunan yang terdapat dalam Aturan Urusan Mesyuarat.
- (q) Usul untuk menangguhkan Dewan.

(2) Dewan boleh, pada bila-bila masa, atas usul (yang dicadangkan oleh seorang Menteri) yang akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan dan yang boleh dibuat tanpa notis dan hendaklah diberi keutamaan daripada segala urusan lain, memutuskan untuk meneruskan dengan apa-apa urusan tertentu dengan tidak mengikut aturan yang telah ditetapkan.

Susunan  
Urusan  
Mesyuarat.

12. (1) Pada setiap hari sidangan, urusan Kerajaan hendaklah diberi keutamaan daripada urusan Ahli-ahli Dewan biasa.

(2) Urusan Kerajaan hendaklah ditetapkan mengikut apa-apa susunan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kerajaan dan dimaklumkan kepada Setiausaha.

(3) Notis-notis usul oleh Ahli Dewan biasa hendaklah diberi keutamaan daripada Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa dan hendaklah ditetapkan mengikut susunan notis setiap usul yang terdapat dalam Buku Mesyuarat.

(4) Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa hendaklah diuruskan mengikut susunan yang terdapat dalam Buku Mesyuarat.

(5) Usul seseorang Ahli Dewan biasa yang telah dicadangkan tetapi belum diputuskan dalam sesuatu mesyuarat Dewan hendaklah, apabila notis yang wajar diberikan oleh pencadang untuk meneruskan usul itu dalam mesyuarat berikutnya, diberi keutamaan daripada usul Ahli Dewan biasa yang lain dalam mesyuarat yang berikutnya itu.

(6) Tertakluk kepada perenggan (2), Aturan Urusan Mesyuarat yang hendak diuruskan dalam setiap mesyuarat hendaklah diputuskan oleh Speaker.

Menangguhkan Dewan.

13. (1) Kecuali di bawah Peraturan Mesyuarat 15, usul minta ditangguhkan Dewan tidak boleh dicadangkan sehingga pukul 6.30 petang atau sehingga selesainya lebih awal atau ditangguhkan segala urusan yang dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk sidangan itu, dan usul sedemikian itu tidak boleh dicadangkan kecuali menurut Peraturan Mesyuarat ini dan Peraturan Mesyuarat 14.

(2) Pada pukul 6.30 petang, melainkan jika diputuskan selainnya oleh Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 9(1), Speaker atau, jika Dewan berada dalam Jawatankuasa, Pengerusi hendaklah merentikan mana-mana jua perjalanan mesyuarat yang sedang berlangsung.

(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan (2) atau setelah selesainya lebih awal atau ditangguhkan segala urusan yang dimasukkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk sidangan itu, Speaker hendaklah menangguhkan Dewan sehinggalah hari sidangan yang akan datang.

Usul Penangguhan - Berakhirnya sidangan.

14. (1) Atas usul "*Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang*" yang dicadangkan pada hari sidangan yang terakhir, mana-mana ahli, selain Menteri, yang telah mendapat kebenaran untuk memberi ucapan bolehlah berucap kepada Dewan berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai pentadbiran yang Kerajaan bertanggungjawab ke atasnya dan Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan itu bolehlah menjawab pertanyaan yang dikemukakan itu, tetapi ucapan itu tidaklah boleh dibuat dalam mesyuarat pertama satu-satu penggal atau dalam mesyuarat yang Rang Undang-Undang Perbekalan dipertimbangkan.

(2) Mana-mana ahli yang hendak membangkitkan sesuatu perkara di bawah perenggan (1) hendaklah memberi notis mengenai perkara itu secara bertulis kepada Speaker tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum mesyuarat. Tertakluk kepada pemberian notis itu, Speaker hendaklah memberi laluan dengan membenarkan tidak lebih daripada lima orang ahli yang akan diputuskan olehnya untuk membangkitkan sesuatu perkara pada setiap mesyuarat, dan dalam membuat penguntukan itu dia hendaklah memberi keutamaan kepada mana-mana ahli atau ahli-ahli yang belum pernah dahulunya membangkitkan sesuatu perkara dalam penggal yang sedang berlangsung.

(3) Dalam apa-apa ucapan atas apa-apa usul "*Bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang*", masa yang dibenarkan bagi setiap ahli untuk berucap kepada Dewan dan bagi setiap Menteri untuk menjawabnya ialah 7 1/2 minit melainkan jika Speaker memutuskan selainnya dalam apa-apa jua hal yang tertentu.

(4) Apabila perjalanan mesyuarat selesai, Speaker hendaklah menangguhkan Dewan tanpa mengemukakan apa-apa persoalan untuk diputuskan.

Penangguhan  
Mesyuarat -  
Berkenaan  
kepentingan  
Awam.

15. (1) Mana-mana ahli, selain Menteri, boleh pada masa yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 11 berdiri di tempatnya dan meminta kebenaran untuk mencadangkan penangguhan Dewan dengan tujuan hendak membincangkan sesuatu perkara tertentu berkenaan kepentingan awam yang berkehendak disegerakan.

(2) Seseorang ahli yang meminta kebenaran sedemikian untuk mencadangkan penangguhan Dewan hendaklah, sekurang-kurangnya dua puluh empat jam sebelum bermulanya sidangan, menyerahkan kepada Speaker satu notis bertulis yang akan diluluskan oleh Speaker mengenai perkara yang hendak dibincangkannya. Speaker hendaklah menolak permintaan itu melainkan jika dia berpuas hati bahawa perkara itu merupakan satu perkara tertentu, berkehendak disegerakan dan demi kepentingan awam.

(3) Jika Speaker berpuas hati dengan perkara yang sedemikian dan sama ada –

(a) Dewan memberi izin, tidak ada ahli yang membantah; atau

(b) Jika Dewan tidak memberi izin, sekurang-kurangnya sepuluh orang ahli bangun di tempat mereka untuk menyokong permintaan itu,

maka usul itu hendaklah ditempokkan sehingga pukul 5.30 petang pada hari itu juga; dan pada waktu 5.30 petang itu apa-apa perjalanan mesyuarat yang Dewan turut terlibat hendaklah ditundakan sehingga pukul 6.30 petang atau sehingga usul minta penangguhan itu selesai, mengikut mana-mana yang lebih awal. Apabila sampai pukul 6.30 petang, maka cadangan usul untuk menangguhkan mesyuarat itu, jika belum selesai lagi, hendaklah luput dan perjalanan mesyuarat yang telah ditundakan itu hendaklah diteruskan semula dan diuruskan mengikut perenggan (4).

(4) Apa-apa perjalanan mesyuarat yang telah ditundakan di bawah Peraturan Mesyuarat ini boleh diteruskan selepas pukul 6.30 petang selama tempoh masa yang sama dengan tempoh lamanya perjalanan mesyuarat atas usul yang dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat ini; dan apabila semua perjalanan mesyuarat di bawah perenggan ini telah selesai, Dewan hendaklah ditangguhkan tanpa dikemukakan apa-apa persoalan untuk diputuskan oleh mesyuarat.

(5) Tidak lebih daripada satu usul untuk menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat ini boleh dibuat dalam satu hari sidangan.

Petisyen.

16. (1) (a) Setiap permohonan kepada Dewan hendaklah dalam bentuk petisyen, dan setiap petisyen hendaklah dikemukakan oleh seorang ahli yang hendaklah bertanggungjawab atas petisyen itu supaya ia dibuat dalam bahasa hormat dan layak dikemukakan dan hendaklah memperakukan secara bertulis dengan menyatakan maksud yang sedemikian.

(b) Sesuatu petisyen yang bertujuan mendapatkan pemberian, sanggupan atau perbelanjaan daripada wang awam atau pelepasan hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan atau pengurangan duti yang kena dibayar oleh mana-mana orang atau pampasan kerana kehilangan hasil awam atau kerana pembatalan, perubahan atau pemansuhan apa-apa kadar, cukai atau duti tidaklah boleh diterima oleh Dewan, melainkan jika perakuan telah didapati daripada Kerajaan mengenainya itu melalui Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab atas kewangan.

(2) (a) Jika tandatangan diturunkan pada lebih daripada satu lembaran, maka syor petisyen itu hendaklah diulangi pada kepala setiap satu lembaran itu. Seseorang yang tidak boleh menulis bolehlah menurunkan cap jarinya di hadapan dua orang saksi.

(b) Tiada rujukan boleh dibuat dalam petisyen mengenai apa-apa perbahasan dalam Dewan ataupun mengenai apa-apa usul yang dicadangkan, melainkan jika suatu notis usul itu telah dimasukkan dalam Buku Mesyuarat.

(c) Seseorang ahli tidaklah berkompeteran untuk mengemukakan petisyen daripada dirinya sendiri atau yang dia sendiri seorang penandatanganan petisyen itu tetapi sesuatu petisyen bolehlah dikemukakan oleh mana-mana ahli lain.

(d) Setiap petisyen hendaklah diserahkan oleh ahli yang menjaganya sekurang-kurangnya satu hari genap terlebih dahulu kepada Setiausaha yang, setelah diperiksa petisyen itu, hendaklah mengemukakannya kepada Speaker untuk kelulusan, dan tiada petisyen boleh dikemukakan sehingga ia telah diendorskan dengan perkataan-perkataan "*Telah diluluskan oleh Speaker*".

(e) Setiap ahli hendaklah, sebelum mengemukakan petisyen, memastikan dan menulis di kepala petisyen itu bilangan tandatangan kepadanya, dan hendaklah memuaskan hatinya sendiri bahawa petisyen itu tidak mengandungi bahasa yang tidak hormat terhadap Dewan.

(3) Seseorang ahli yang mengemukakan sesuatu petisyen kepada Dewan hendaklah menyatakan dengan ringkasnya maksud petisyen itu.

(4) (a) Mana-mana ahli berkompeten untuk mencadangkan supaya petisyen itu dibacakan. Semasa mengemukakan usul itu, dia hendaklah menyatakan dengan ringkas sebab-sebabnya dia hendakkan petisyennya itu dibacakan.

(b) Tiada perbahasan boleh dibenarkan atas usul itu dan juga mana-mana ahli lain tidaklah boleh berucap mengenai atau berhubung dengan usul itu, kecuali jika hendak menyokong usul itu secara rasminya.

(c) Setelah usul itu disokong, persoalan itu hendaklah dikemukakan untuk diputuskan oleh mesyuarat sama ada petisyen itu hendak dibacakan. Jika dipersetujui, petisyen itu hendaklah segera dibacakan oleh Setiausaha.

(5) Apabila tamatnya apa-apa perjalanan mesyuarat di bawah perenggan (4), petisyen itu hendaklah berikutan dengan itu tetap dirujuk tanpa persoalan dikemukakan kepada Jawatankuasa Petisyen Awam untuk diputuskan, melainkan jika suatu petisyen yang menyatakan bahawa suatu Rang Undang-Undang yang menanti penyelesaian di Dewan menjejaskan kepentingan persendirian, dan dalam hal yang demikian petisyen itu hendaklah tetap dirujuk kepada Jawatankuasa yang menguruskan Rang Undang-Undang itu.

Kertas-Kertas  
Mesyuarat.

17. (1) Kertas-kertas mesyuarat hendaklah dikemukakan ke dalam mesyuarat hanya oleh Speaker, Menteri atau Pengerusi sesuatu Jawatankuasa, dan hendaklah dihantar kepada Setiausaha.

(2) Setiap kertas mesyuarat, yang salinannya telah diterima oleh Setiausaha, hendaklah disifatkan telah dikemukakan kepada Dewan dan diperintah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat.

(3) Pengemukakan segala kertas mesyuarat hendaklah dicatatkan dalam Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat bagi hari yang kertas mesyuarat itu dikemukakan atau, jika Dewan tidak bersidang, bagi hari sidangan berikut selepas pengemukaannya itu.

Pertanyaan-  
Pertanyaan.

18. (1) Pertanyaan-pertanyaan bolehlah ditujukan kepada Menteri-Menteri yang berhubungan dengan –

- (a) hal-ehwal yang termasuk dalam lingkungan fungsi rasmi mereka; atau
- (b) Rang Undang-Undang, usul atau perkara awam lain yang berkaitan dengan urusan Dewan yang mana Menteri-Menteri berkenaan adalah bertanggungjawab ke atasnya:

Dengan syarat bahawa adalah teratur untuk bertanyakan seseorang Menteri memintanya supaya mendapatkan maklumat daripada, atau mendesak tindakan diambil oleh, Kerajaan Persekutuan Malaysia berhubung dengan pelaksanaan projek-projek Persekutuan atau perkara-perkara di dalam Senarai Perundangan Persekutuan, selain perkara-perkara yang menyentuh dasar-dasar Kerajaan Persekutuan, yang berkepentingan kepada Negeri.

(2) Pertanyaan-pertanyaan boleh juga ditujukan kepada ahli-ahli, selain Menteri-Menteri, yang berhubung dengan Rang Undang-Undang, usul atau perkara awam lain yang berkaitan dengan urusan Dewan yang mana ahli-ahli itu adalah bertanggungjawab ke atasnya.

(3) Tujuan sebenarnya mengeluarkan sesuatu pertanyaan ialah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan sesuatu perkara fakta yang ada dalam pengetahuan istimewa ahli yang ditujukan dengan pertanyaan itu.

Notis  
berkenaan  
dengan  
Pertanyaan-  
Pertanyaan.

19. (1) Sesuatu pertanyaan tidaklah boleh dikemukakan tanpa notis, melainkan jika Speaker berpendapat bahawa pertanyaan itu hendak disegerakan dan ada kena-mengena sama ada dengan perkara kepentingan awam atau dengan Aturan Urusan Mesyuarat, dan ahli itu telah mendapat kebenaran daripada Speaker untuk mengemukakan pertanyaan itu.

(2) Notis bertulis berkenaan dengan setiap pertanyaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha pada waktu pejabat biasa oleh seseorang ahli tidak lewat daripada empat belas hari sebelum mesyuarat dimulakan.

(3) Jika seseorang ahli berkehendakkan pertanyaannya diberi jawapan mulut, maka notisnya hendaklah ditandakan dengan perkataan-perkataan "*Jawab Lisan*". Tidak lebih daripada tiga pertanyaan boleh ditandakan "*Jawab Lisan*" oleh seseorang ahli bagi satu hari mesyuarat. Speaker boleh, menurut budi bicaranya, memerintahkan apa-apa pertanyaan yang bertanda "*Jawab Lisan*" itu dijawab secara bertulis:

Dengan syarat bahawa seseorang ahli boleh mengemukakan tidak lebih daripada sepuluh pertanyaan untuk "*Jawab Lisan*" dalam mana-mana satu mesyuarat Dewan.

(4) Sesuatu pertanyaan untuk jawapan lisan –

- (i) hendaklah tidak boleh melebihi empat puluh perkataan tanpa mengira nama dan Kawasan ahli yang bertanya dan Menteri yang bertanggungjawab untuk menjawab; dan
- (ii) hendaklah tidak boleh mengandungi lebih daripada dua perkara yang berbeza atau yang tidak berkaitan seperti yang disenaraikan dalam Peraturan Mesyuarat 20(1).

(5) Melainkan jika diputuskan selainnya oleh Speaker, tidak lebih daripada satu jam hendaklah diperuntukkan bagi pertanyaan-pertanyaan dalam setiap persidangan. Apa-apa jua pertanyaan yang tertinggal dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang belum sampai gilirannya untuk dijawab dalam masa yang diuntukkan itu hendaklah terluput.

Isi kandungan pertanyaan.

20. (1) Setiap pertanyaan hendaklah berkaitan dengan perkara yang khusus mengenai:-

- (a) sesuatu polisi Kerajaan Negeri atau perlaksanaannya;
- (b) kesan sesuatu polisi Kerajaan Persekutuan atau keputusan perlaksanaannya terhadap Sarawak;



- (c) pelaksanaan bagi sesuatu projek, skim atau rancangan atau keputusan oleh Kerajaan Negeri;
- (d) hal ehwal, aktiviti atau fungsi mana-mana Jabatan Negeri, badan Berkanun, pihak berkuasa tempatan atau agensi;
- (e) kedudukan kewangan atau hal ehwal Kerajaan Negeri atau mana-mana jabatan, badan Berkanun, pihak berkuasa tempatan atau agensi atau syarikat yang berkaitan dengan kerajaan atau anak-anak syarikat mereka; dan
- (f) perkara lain yang terdapat dalam senarai II dan IIA, III dan IIIA dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), setiap pertanyaan hendaklah tidak boleh:

- (a) memasukkan nama orang-orang atau kenyataan – kenyataan yang sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu;
- (b) mengandungi apa-apa kenyataan yang mana ahli yang mengemukakan pertanyaan itu tidak bersedia untuk membuktikannya;
- (c) mengandungi apa-apa hujahan, inferens, pendapat, tohmahan, nama julukan atau mengandungi ungkapan yang mengelirukan, ironik atau menyakitkan hati;
- (d) merujuk kepada perbahasan-perbahasan atau jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang sudah keluar dalam penggal sekarang ini;
- (e) merujuk kepada perjalanan mesyuarat Jawatankuasa yang belum dilaporkan kepada Dewan;
- (f) meminta keterangan tentang apa-apa perkara yang bersifat rahsia, atau perkara yang tidak dapat disebarikan kerana peruntukan Akta Rahsia Rasmi;
- (g) digubalkan sedemikian cara hingga mungkin menjejaskan sesuatu kes yang sedang dibicarakan oleh mahkamah atau ditanyakan mengenai apa-

apa perkara yang berupa sub judis atau berada dalam pertimbangan mahkamah;

- (h) dikemukakan dengan tujuan hendak mendapatkan buah fikiran atau hendak mendapatkan penyelesaian terhadap kes undang-undang yang belum menjadi persoalan atau mendapatkan jawapan bagi sesuatu perkara yang merupakan andaian sahaja;
- (i) dikemukakan berkenaan dengan betul atau tidaknya kenyataan-kenyataan dalam akhbar atau yang dibuat oleh individu persendirian atau badan kewangan;
- (j) dikemukakan tentang watak atau kelakuan mana-mana orang kecuali atas sifat rasmi atau awamnya;
- (k) mencerminkan watak atau kelakuan mana-mana orang yang kelakuannya hanya boleh dicabar dengan dikemukakan suatu usul substantif;
- (l) dikemukakan meminta keterangan yang terdapat dalam dokumen awam yang boleh didapati atau yang terdapat dalam buku-buku rujukan harian;
- (m) membuat tuduhan atau menyiratkan tuduhan terhadap sifat diri seseorang;
- (n) --
- (o) Sesuatu pertanyaan tidaklah boleh dikemukakan berkenaan dengan apa-apa perkara yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 32(8).

(3) Tiada soalan yang hendak ditanya semasa penggal yang sama dengan tujuan untuk mendapatkan apa-apa jawapan yang sebelum ini telah ditolak oleh Speaker atau jika Menteri menolak untuk menjawabnya.

(4) Jika Speaker berpendapat bahawa apa-apa pertanyaan yang mana ahli telah memberi notis mengenainya kepada Setiausaha atau yang mana ahli telah meminta kebenaran hendak mengemukakan tanpa notis adalah menyalahi hak untuk mengemukakan pertanyaan, atau dikira hendak menghalang atau menjejaskan prosedur Dewan, atau hendak menaikkan perasaan niat jahat atau bermusuhan diantara satu kaum dengan satu kaum lain dalam negeri, atau melanggar Perlembagaan Negeri Sarawak atau Perlembagaan

Persekutuan atau Akta Hasutan, 1948 atau Peraturan Mesyuarat ini, maka Speaker boleh mengarahkan bahawa –

- (a) pertanyaan itu dicetak atau dikemukakan dengan apa-apa perubahan sebagaimana yang diarahkan; atau
- (b) ahli yang berkenaan diberitahu yang pertanyaannya itu tidak dibenarkan.

(5) Jika sesuatu pertanyaan tidak dibenarkan oleh Speaker, maka ahli yang mengemukakan pertanyaan itu hendaklah diberitahu melalui surat oleh Setiausaha dengan diterangkan sebab-sebabnya pertanyaan itu tidak dibenarkan.

(6) Walau apapun apa-apa jua yang terkandung terdahulu dari ini, seseorang Menteri yang sesuatu pertanyaan ditujukan kepadanya boleh, dengan kelulusan Speaker, enggan menjawab pertanyaan itu atas alasan demi menjaga kepentingan awam, dan keengganan Menteri itu menjawab pertanyaan itu tidaklah boleh dibahas atau dipersoalkan.

(7) Setiausaha diberi kuasa untuk menyunting pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan.

Cara mengemukakan atau menjawab pertanyaan.

21. (1) Jika sesuatu pertanyaan berkehendakkan jawapan mulut dan Speaker tidak memerintah supaya dikeluarkan jawapan bertulis, maka Speaker hendaklah, apabila sampai kepada pertanyaan itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat, memanggil ahli yang tertulis namanya pada pertanyaan itu. Ahli yang dipanggil itu hendaklah berdiri di tempatnya dan mengemukakan pertanyaan itu dengan menyebutkan sekali nombor pertanyaannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan mana-mana Menteri boleh menjawab pertanyaan itu.

(2) Jika seseorang ahli yang mengemukakan pertanyaan meminta dijawab mulut tidak bangun mengemukakan pertanyaannya, maka mana-mana ahli lain boleh, dengan kebenaran Speaker, mengambil pertanyaan itu dijadikan pertanyaannya sendiri dan dia boleh berdiri di tempatnya dan mengemukakan pertanyaan itu mengikut cara yang ditetapkan dalam perenggan (1); tetapi jika tiada ahli lain yang berdiri di tempatnya mengemukakan pertanyaan itu, maka Menteri yang ditujukan pertanyaan itu hendaklah menghantar salinan-salinan jawapan pertanyaan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menyebabkan jawapan itu dimasukkan dalam Penyata Rasmi:

Dengan syarat bahawa pada bila-bila masa sebelum Speaker memanggil ahli yang mengemukakan pertanyaan yang ada atas namanya, ahli itu boleh menyatakan maksudnya hendak menundakan pertanyaannya itu kepada sidang hari lain atau boleh juga menarik balik pertanyaannya itu.

(3) Speaker boleh membenarkan ahli-ahli mengemukakan pertanyaan-pertanyaan tambahan bagi maksud menerangkan apa-apa perkara tentang fakta yang telah diberi jawapan mulut, tetapi boleh ditahannya apa-apa pertanyaan sedemikian yang pada pendapatnya pertanyaan itu memperkenalkan perkara yang tidak ada kaitan dengan pertanyaan asal atau yang melanggar Peraturan Mesyuarat 20:

Dengan syarat bahawa –

- (i) pertanyaan tambahan tidaklah boleh dibenarkan ke atas apa-apa pertanyaan jika Menteri mengisytiharkan bahawa pertanyaan itu telah dijawab pada sidang terdahulu dalam penggal yang sama; dan
- (ii) pertanyaan tambahan hendaklah ringkas dan tidak mengandungi beberapa pertanyaan atau hujah atau perkara-perkara yang boleh dibahaskan.

(4) Sesuatu pertanyaan tidaklah boleh dijadikan helah untuk membahaskan sesuatu.

(5) Tiada pertanyaan, selain apa-apa pertanyaan tambahan yang berbangkit daripada suatu pertanyaan yang telahpun dikeluarkan dan yang dibenarkan oleh Speaker, boleh dikemukakan lagi selepas satu jam bermulanya Masa Soal-Jawab.

(6) Jika sesuatu pertanyaan itu tidak berkehendakkan jawapan mulut atau jika jawapan bertulis sudah diperintah dikeluarkan menurut Peraturan Mesyuarat 19(3), maka Menteri yang ditujukan pertanyaan itu hendaklah menghantar salinan jawapan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha pula hendaklah menguruskan supaya jawapan itu dimasukkan ke dalam Penyata Rasmi.

Penerangan sendiri.

22. Dengan izin Speaker, seseorang ahli boleh mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan di bawah Peraturan Mesyuarat 11 walaupun pada masa itu tidak ada pertanyaan dalam Dewan; tetapi tiada perkara yang kontroversial boleh dibangkitkan atau dibenarkan perbahasan berkenaan dengan penerangan itu. Isi

penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantar dengan sepenuh-penuhnya sekurang-kurangnya dua jam sebelum sidang bermula kepada Speaker pada masa meminta izin hendak memberi penerangan itu.

Notis usul.

23. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, tidak kurang daripada sepuluh hari notis mengenai apa-apa usul hendaklah diberikan melainkan jika –

- (a) usul itu atas nama Menteri; atau
- (b) Kuasa Speaker telah dinyatakan secara bertulis.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, notis hendaklah diberikan terhadap apa-apa usul yang dicadang hendak dibawa kecuali usul-usul yang berikut ini:

- (a) usul hendak meminda pertanyaan yang telah dikemukakan kepada mesyuarat oleh Pengerusi;
- (b) usul yang dibawa dalam Jawatankuasa seluruh Dewan;
- (c) usul hendak menangguhkan Dewan atau apa-apa perbahasan;
- (d) usul hendak mendahulukan apa-apa urusan tertentu daripada urusan lain dengan tidak mengikut susunan biasa;
- (e) usul daripada Menteri menurut Peraturan Mesyuarat 4(2);
- (f) usul mencadangkan supaya perjalanan mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan tertentu dikecualikan daripada Peraturan Mesyuarat 9;
- (g) usul di bawah Peraturan Mesyuarat 9(2) menangguhkan Dewan kepada hari lain;
- (h) usul hendak menggantung khidmat seseorang ahli;
- (i) usul hendak membatalkan undi seseorang ahli di bawah Peraturan Mesyuarat 43(5);

- (j) usul hendak merujukkan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa Pilihan di bawah Peraturan Mesyuarat 51;
- (k) usul hendak menghantar balik Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan kepada Dewan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan;
- (l) usul hendak menarik balik Rang Undang-Undang di bawah Peraturan Mesyuarat 59;
- (m) usul hendak menggantung kuatkuasa mana-mana Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 80 setelah mendapat izin daripada Speaker;
- (n) usul hendak mengeluarkan orang-orang luar;
- (o) usul hendak menutup perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 36;
- (p) usul yang berhubung dengan sesuatu hak keistimewaan atau penghinaan terhadap Dewan;
- (q) Usul mencadangkan bahawa petisyen yang dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 16(1) dibacakan, dicetak atau dirujukkan kepada Jawatankuasa Pilihan;
- (r) usul mencadangkan bahawa laporan Jawatankuasa Pilihan dirujukkan kepada Jawatankuasa seluruh Dewan;
- (s) apa-apa usul minta dikembalikan laporan daripada, minit perjalanan mesyuarat, atau apa-apa keterangan yang diambil di hadapan, Jawatankuasa Pilihan yang belum lagi dibentangkan dalam Dewan, sama ada laporan itu adalah berkaitan dengan sidangan yang lalu atau sidangan dalam Dewan yang lalu;
- (t) apa-apa usul untuk merujukkan laporan, minit atau keterangan yang disebutkan dalam subperenggan(s) kepada Jawatankuasa yang dilantik dalam sidangan Dewan sekarang ini;

- (u) apa-apa usul lain yang ada diperuntukkan sedemikian dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini.
- (3) Apa-apa usul yang dibuat di bawah perenggan (2)(s) atau (t) hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.
- (4) Sesuatu usul –
  - (a) yang bertujuan mendapatkan pemberian, sanggup atau perbelanjaan daripada wang negeri; atau
  - (b) yang bertujuan minta dilepaskan tanggungan hutang kepada Kerajaan; atau
  - (c) yang bertujuan minta dikurangkan duti-duti yang kena dibayar oleh mana-mana orang; atau
  - (d) yang bertujuan mendapatkan pampasan kerana kehilangan wang hasil negeri; atau
  - (e) minta dibatalkan, diubah atau dimansuhkan apa-apa kadar, cukai atau duti,

tidaklah boleh diteruskan tindakan, melainkan jika syor Kerajaan mengenainya telah dinyatakan secara bertulis oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab atas kewangan.

(5) Sesuatu usul yang, secara langsung atau tak langsung, melibatkan mana-mana pemberian, sanggup atau perbelanjaan, pelepasan tanggungan hutang kepada Kerajaan, pengurangan duti-duti atau pampasan sepertimana yang disebutkan dalam perenggan (4) (a) hingga (d) hendaklah dianggap sebagai bertujuan untuk mendapatkan pemberian, sanggup, perbelanjaan, pelepasan tanggungan hutang kepada Kerajaan, pengurangan duti-duti atau pampasan, melainkan jika Menteri yang disebutkan itu menyatakan secara bertulis bahawa usul itu tidak melampaui apa yang dikira perkara kecil-kecil sahaja dan bukannya suatu perkara besar memandangkan kepada tujuan-tujuan usul itu.

(6) Tiada usul yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang terkandung dalam Senarai Perundangan Persekutuan boleh dikira teratur.

Cara mengeluarkan notis.

24. (1) Jika di bawah mana-mana Peraturan Mesyuarat (atau mengikut amalan Dewan) notis diperlukan mengenai sesuatu perkara, maka notis itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha secara bertulis pada waktu pejabat biasa.

(2) Setiap notis itu hendaklah ditandatangani.

(3) Semua notis hendaklah, jika mungkin, dicetak, disaiklostill atau ditaip dan dihantar kepada ahli-ahli tidak lewat daripada hari sebelum hari sidangan mesyuarat yang perkara-perkara dalam notis itu hendak dibawa ke dalam sidangan mesyuarat itu.

(4) Jika Speaker berpendapat bahawa mana-mana notis yang diterima oleh Setiausaha melanggar mana-mana Peraturan Mesyuarat atau selainnya menyalahi tatacara mesyuarat, maka Speaker boleh mengarahkan –

(a) bahawa notis itu dicetak dengan apa-apa ubahan sebagaimana yang diarahkannya; atau

(b) bahawa notis itu dikembalikan kepada ahli yang menandatangani kerana pada pendapatnya notis itu adalah menyalahi tatacara mesyuarat.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), usul-usul atau pindaan-pindaan yang dihantar kepada Setiausaha hendaklah dicetak dan diedarkan olehnya, dan dalam hal pindaan kepada Rang Undang-Undang, pindaan-pindaan itu hendaklah diatur dengan seberapa bolehnya mengikut susunan yang pindaan-pindaan itu hendak dicadangkan.

Mengubah isi usul.

25. Jika seseorang ahli berhasrat hendak mengubah isi sesuatu usul yang terdiri dengan namanya, maka dia boleh berbuat demikian dengan menghantarkan kepada Setiausaha suatu notis terpinda bagi usul itu, dengan syarat bahawa perubahan itu tidak, mengikut pendapat Speaker, pada matanya mengubah apa-apa prinsip yang termaktub dalam usul asal atau skopnya. Notis terpinda itu hendaklah bermula selari dengan bermulanya notis yang diberikan itu.

Menarik balik Notis-Notis usul.

26. (1) Seseorang ahli boleh, melalui notis bertulis kepada Setiausaha, menarik balik mana-mana notis usul yang telah diberikan dahulu olehnya.



(2) Apabila mana-mana notis usul telah ditarik balik sedemikian selepas usul itu dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat, maka usul itu tidaklah boleh dicadangkan tetapi hendaklah dibiarkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat itu dan, apabila tiba masanya, Speaker atau ahli yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mengumumkan bahawa usul itu hendaklah dikira sebagai telah ditarik balik, dan suatu catatan yang bermaksud sedemikian hendaklah dicatatkan dalam Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat.

Meminda  
Usul-Usul.

27. (1) Semasa sesuatu usul sedang dipertimbangkan dalam Dewan atau dalam Jawatankuasanya, sesuatu pindaan boleh dicadangkan dibuat kepada usul itu jika pindaan itu ada kaitan dengan usul itu.

(2) Sesuatu pindaan boleh dicadangkan dibuat kepada mana-mana pindaan itu jika ia ada kaitan dengan usul itu.

(3) Sesuatu pindaan tidaklah boleh menimbulkan apa-apa persoalan yang, mengikut peraturan-peraturan Dewan, hanya boleh ditimbulkan melalui satu usul substantif setelah diberikan notis.

(4) Sesuatu persoalan, apabila dicadangkan oleh Pengerusi, boleh dipinda mengikut kesemua atau mana-mana daripada cara yang berikut:

- (a) dengan dipotong perkataan-perkataan tertentu dengan tujuan untuk memasukkan perkataan-perkataan lain;
- (b) dengan dipotong perkataan-perkataan tertentu;
- (c) dengan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain.

(5) Apa-apa pindaan kepada sesuatu usul yang mengikutnya persoalan itu telah dikemukakan dalam Dewan atau dalam Jawatankuassa seluruh Dewan hendaklah dikemukakan secara bertulis oleh pencadang dan disampaikan kepada Setiausaha, melainkan jika Pengerusi mengetepikan kehendak bahawa pindaan itu hendaklah dikemukakan secara bertulis.

Menyokong  
usul-usul dan  
pindaan-  
pindaan.

28. (1) Dalam Dewan, persoalan ke atas sesuatu usul atau pindaan tidaklah boleh dicadangkan oleh Speaker, melainkan jika usul atau pindaan itu telah disokong.

Cara membahas-kan usul dan pindaan kepadanya.

(2) Dalam Jawatankuasa, penyokong tidaklah dikehendaki.

29. (1) Apabila sesuatu usul telah dicadangkan dan disokong, jika perlu disokong, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan mengenainya kepada Dewan atau Jawatankuasa mengikut susunan kata yang sama seperti usul itu; selepas itu persoalan ini bolehlah dibahaskan dan, tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, perbahasan itu boleh diteruskan selagi ada ahli yang berhak berucap hendak berucap.

(2) Apabila tidak ada lagi ahli yang hendak berucap, Pengerusi hendaklah meminta keputusan Dewan atau Jawatankuasa yang hendaklah menyatakannya mengikut Peraturan Mesyuarat 41.

(3) Apa-apa pindaan kepada usul yang hendak dicadangkan oleh seseorang ahli mengikut Peraturan Mesyuarat 27 boleh dicadangkan dan, jika perlu, disokong pada bila-bila masa selepas persoalan dikemukakan oleh Pengerusi, dan sebelum Pengerusi meminta keputusan mesyuarat setelah tamat perbahasan atas usul itu. Apabila setiap pindaan itu telah diselesaikan, Pengerusi hendaklah sekali lagi mengemukakan persoalan berkenaan dengan usul itu atau usul yang dipinda itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, selepas dijalankan lagi apa-apa perbahasan yang mungkin berbangkit mengenainya, hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Dewan atau Jawatankuasa untuk mendapat keputusannya.

(4) (a) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dipotong apa-apa perkataan dalam usul itu, maka persoalan yang akan dikemukakan hendaklah "*Bahawa perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada persoalan itu*".

(b) Jika sesuatu pindaan itu mencadang dimasukkan perkataan-perkataan atau ditambah perkataan-perkataan di hujung sesuatu usul, maka persoalan yang akan dikemukakan hendaklah "*Bahawa perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ*" atau "*Bahawa perkataan-perkataan itu ditambah di situ*", mengikut kehendak keadaan.

(c) Jika sesuatu pindaan itu mencadangkan dipotong perkataan-perkataan dan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain sebagai gantinya, maka mula-mula sekali hendaklah dikemukakan persoalan "*Bahawa perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong daripada persoalan itu*", dan jika persoalan itu dipersetujui oleh mesyuarat, maka hendaklah dikemukakan pula persoalan "*Bahawa perkataan-perkataan itu dimasukkan di situ*" atau "*Bahawa perkataan-perkataan itu ditambah di situ*", mengikut kehendak

keadaan. Jika persoalan yang pertama itu tidak dipersetujui, maka tiada apa-apa pindaan selanjutnya boleh dicadangkan kepada perkataan-perkataan yang telah diputuskan oleh Dewan atau Jawatankuasa supaya tidak dipotong itu.

(d) Jika Pengerusi, sebelum diminta keputusan mesyuarat hendak memotong apa-apa perkataan, diberitahu bahawa seseorang ahli hendak mencadangkan pindaan memotong sebahagian sahaja daripada perkataan-perkataan tadi, dan jika Pengerusi berpendapat bahawa pindaan yang dicadangkan yang telah diberitahu kepadanya itu adalah sebahagian besar daripadanya adalah pindaan baru, maka Pengerusi hendaklah, jika mungkin, meminta keputusan mesyuarat untuk memotong hanya sekian banyak perkataan sahaja daripada pindaan asal yang tidak terjejas dengan pindaan kali kedua itu; tetapi jika pindaan itu dipersetujui oleh mesyuarat, semuanya sekali perkataan yang dicadangkan dipotong dalam pindaan asal itu hendaklah disifatkan sebagai telah diperintahkan supaya dipotong.

(e) Apabila dua atau lebih daripada dua pindaan dicadangkan terhadap usul yang sama, maka Pengerusi hendaklah memanggil pencadang-pencadang pindaan itu mengikut susunan yang pindaan mereka itu berkaitan dengan teks usul itu, atau sekiranya berasa was-was, terpulanglah kepada Pengerusi untuk memutuskan susunan pindaan itu:

Dengan syarat bahawa pindaan yang ada kaitan dengan mana-mana perkataan yang telah diputuskan oleh Dewan atau Jawatankuasa tidak patut dipotong daripada usul itu tidaklah boleh dicadangkan.

(5) (a) Apa-apa pindaan kepada sesuatu pindaan boleh dicadangkan dan, jika perlu, disokong pada bila-bila masa selepas pindaan asal telah dikemukakan, dan sebelum diminta keputusan mesyuarat setelah tamat perbincangan berkenaan dengan pindaan asal itu.

(b) Perenggan (4) hendaklah terpakai bagi perbincangan tentang pindaan atas pindaan dengan menggantikan perkataan "persoalan" mengikut mana-mana yang sesuai dengan perkataan-perkataan "pindaan asal".

(c) Apabila setiap pindaan ke atas sesuatu pindaan telah selesai dibuat, Pengerusi hendaklah sekali lagi mengemukakan persoalan atas pindaan asal atau pindaan asal yang telah dipinda itu, mengikut kehendak keadaan.

Menarik  
balik usul  
dan pindaan.

30. (1) Sesuatu usul atau pindaan boleh ditarik balik atas permintaan pencadang, sebelum persoalan itu dikemukakan untuk diputuskan oleh mesyuarat. Usul atau pindaan yang ditarik balik sedemikian itu boleh dicadangkan semula dengan syarat bahawa, dalam hal suatu usul, notis telah diberikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini.

(2) Jika pindaan kepada usul atau pindaan atas pindaan telah dikemukakan kepada mesyuarat, maka usul asal atau pindaan itu tidak boleh ditarik balik sehinggalah pindaan kepada usul atau pindaan ke atas pindaan itu telah selesai dibuat.

### **PERATURAN-PERATURAN PERBAHASAN**

Masa  
dan cara  
berucap.

31. (1) Seseorang ahli yang hendak berucap hendaklah bangun di tempatnya dan apabila dipanggil hendaklah berdiri dan mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi. Seseorang ahli tidak boleh berucap, melainkan jika dipanggil oleh Pengerusi dan apabila dia telah selesai berucap, dia hendaklah duduk semula di tempatnya.

(2) Jika dua atau lebih daripada dua orang ahli bangun serentak, maka Pengerusi hendaklah memanggil ahli yang dahulu sekali terpendang olehnya.

(3) Seseorang ahli tidak boleh berucap lebih daripada sekali atas sesuatu persoalan kecuali –

- (a) dalam sidangan Jawatankuasa; atau
- (b) bagi menerangkan sesuatu hal sepertimana yang diperihalkan dalam perenggan (4); atau
- (c) dalam hal pencadang suatu usul substantif, hanya semasa memberi jawapan:

Dengan syarat bahawa mana-mana ahli boleh, tanpa menjejaskan haknya untuk berucap dalam perbahasan kemudian kelak, menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun di tempatnya dan menyatakan bahawa dia bercadang hendak menyokong usul atau pindaan itu.

(4) Seseorang ahli yang telah berucap atas sesuatu persoalan boleh berucap menerangkan apa-apa perkara matan dalam ucapannya yang telah menimbulkan salah faham; tetapi dia tidaklah boleh mengeluarkan perkara-perkara baru.

(5) Seseorang ahli yang telah berucap boleh berucap sekali lagi apabila sesuatu persoalan baru dikemukakan oleh Speaker, seperti cadangan pindaan atau usul penangguhan perbahasan.

(6) Melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Speaker, seseorang ahli boleh membaca daripada teks ucapan yang telah disediakan atau cabutan-cabutan daripada buku, penerbitan atau nota-nota yang diberikan kepadanya untuk menyokong mana-mana perkara atau hujah yang dibangkitkan oleh beliau di dalam ucapan beliau atau untuk mengingatkan semula butir-butir ucapannya itu; tertakluk kepada, jika beliau membaca daripada teks yang telah disediakan, dan terdapat perbezaan di antara teks yang disediakan dan rekod ucapan beliau di dalam rekod rasmi Dewan, rekod ucapan beliau di dalam rekod rasmi Dewan hendaklah mengatasi teks yang disediakan dan hendaklah dianggap sebagai betul pada setiap masa dan merupakan rekod sah berkaitan apa yang telah disampaikan oleh beliau di dalam Dewan.

(7) Tertakluk kepada seksyen 30(3) Ordinan Dewan Undangan Negeri (Hak-Hak Keistimewaan & Kuasa-Kuasa) 2007 (Bab 65), seseorang ahli tidaklah boleh berucap berkenaan dengan apa-apa perkara yang dia ada kepentingan kewangan diri secara langsung di dalamnya tanpa mendedahkan takat kepentingannya itu.

(8) Pengerusi boleh, jika difikirkannya patut, menetapkan had masa bagi ahli-ahli berucap.

Isi kandungan ucapan.

32. (1) Seseorang ahli hendaklah batasi ucapannya kepada perkara yang sedang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak ada kaitan dengan perkara yang sedang dibincangkan itu.

(2) Sebutan tidak boleh dibuat mengenai apa-apa perkara yang sub judis dengan sedemikian cara yang mungkin pada pendapat Pengerusi menjejaskan kepentingan pihak-pihak dalam perkara itu.

(3) Adalah menyalahi tatacara mesyuarat untuk cuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Dewan dalam penggal yang sekarang ini, kecuali dengan dikeluarkan usul substantif bagi membatalkan keputusan Dewan berkenaan dengan perkara itu.

(4) Adalah menyalahi tatacara mesyuarat bagi seseorang ahli mengguna bahasa kesat dan menghina terhadap ahli-ahli Dewan.

(5) Seseorang ahli tidaklah dibenar menyebutkan seorang ahli lain dengan menggunakan nama.

(6) Seseorang ahli tidaklah boleh mengatakan mana-mana ahli lain mempunyai motif yang jahat atau membuat apa-apa kenyataan atau pengataan yang mana ahli tersebut tidak bersedia untuk membuktikannya.

(7) Nama Yang di-Pertuan Agong, atau nama mana-mana Raja atau Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidaklah boleh digunakan untuk mempengaruhi prosiding atau keputusan Dewan.

(8) Kelakuan atau watak Yang di-Pertuan Agong atau Raja-Raja atau Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, atau Hakim-Hakim atau orang-orang lain yang terlibat dengan pentadbiran keadilan, ahli-ahli Majlis Angkatan Bersenjata, atau mana-mana Suruhanjaya Perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Bahagian X Perlembagaan Persekutuan, ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Sarawak, atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya, tidaklah boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul substantif bagi maksud itu.

(9) Tiada sebutan boleh dibuat dalam apa-apa perbahasan tentang kelakuan atau watak mana-mana Ahli Dewan atau Parlimen atau mana-mana pengkhidmat awam, selain kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Dewan atau Parlimen atau pengkhidmat awam, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10) Adalah menyalahi tatacara mesyuarat untuk menggunakan—

- (a) perkataan-perkataan durhaka terhadap negeri;
- (b) perkataan-perkataan menghasut; atau
- (c) perkataan-perkataan yang mungkin membangkitkan perasaan niat jahat atau bermusuhan di antara berlainan kaum dalam Negeri, atau melanggar Perlembagaan Negeri Sarawak atau Perlembagaan Persekutuan atau Akta Hasutan, 1948

(11) Jika Speaker berpendapat bahawa mana-mana usul atau pindaan atau keberterusan perbahasan ke atasnya itu dikira menimbulkan pelanggaran terhadap Peraturan Mesyuarat ini, maka dia boleh

menolak usul atau pindaan itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menamatkan perbahasan itu dan mengarahkan bahawa usul atau pindaan itu tidak boleh dibahaskan lagi.

(12) Mana-mana ahli yang membuat apa-apa pernyataan dalam Dewan yang dengan sengaja mengelirukan Dewan adalah disifatkan salah pada peraturan atau menghina.

Gangguan. 33. Seseorang ahli tidak boleh mengganggu seorang ahli lain yang sedang berucap kecuali –

(a) jika hendak mengeluarkan teguran berkenaan dengan perkara ketertiban mesyuarat dan ahli yang sedang berucap itu hendaklah duduk dan ahli yang mengganggu itu hendaklah menumpukan perhatian cuma kepada perkara yang hendak diturkannya sahaja buat pengetahuan mesyuarat dan diserahkan perkara itu kepada Pengerusi untuk memutuskannya; atau

(b) jika hendak memperjelaskan sesuatu perkara yang dibangkitkan oleh ahli yang sedang berucap dengan syarat bahawa ahli yang sedang berucap itu mahu beralah dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Pengerusi;

dan keputusan Pengerusi sama ada gangguan tersebut dibenarkan adalah muktamad dan hendaklah dipatuhi oleh ahli yang hendak mengganggu dan ahli yang sedang berucap.

Skop perbahasan. 34. (1) Perbahasan atas apa-apa usul, selain usul hendak menengguhkan Dewan, dan perbahasan atas apa-apa Rang Undang-Undang atau pindaan, hendaklah relevan dengan usul, Rang Undang-Undang atau pindaan itu:

Dengan syarat bahawa semasa membahaskan Rang Undang-Undang untuk meminda Ordinan Ibu, seseorang ahli hendaklah batasi dirinya kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang itu sahaja dan bukannya atas perkara-perkara yang berhubung dengan Ordinan Ibu yang tidak diliputi oleh pindaan-pindaan yang dicadangkan itu.

(2) Perbahasan atas apa-apa usul hendak menanggukkan Dewan hendaklah relevan dengan perkara yang hendak dibangkitkan dalam Peraturan Mesyuarat 14 atau 15.

(3) Apabila sesuatu pindaan mencadangkan dipotong perkataan-perkataan dan dimasukkan perkataan-perkataan lain sebagai gantinya, maka perbahasan atas persoalan "*Bahawa perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong itu hendaklah dipotong*" boleh memasukkan perkataan-perkataan yang dicadang hendak dipotong dan juga perkataan-perkataan yang hendak ditambah atau dimasukkan.

(4) Berkenaan dengan pindaan yang mencadangkan hanya dipotong perkataan-perkataan atau ditambah atau dimasukkan perkataan-perkataan, perbahasan hendaklah masing-masingnya dibataskan kepada perkataan-perkataan yang hendak dipotong, ditambah atau dimasukkan itu sahaja.

(5) Perbahasan atas apa-apa usul "*Bahawa perbahasan ditanggukkan sekarang*" atau usul dalam Jawatankuasa "*Bahawa Pengerusi hendaklah memaklumkan sebanyak mana telah dijalankan perbahasan dan meminta izin hendak bersidang sekali lagi*" hendaklah dibataskan kepada perkara usul itu sahaja; dan seseorang ahli yang mengeluarkan usul itu atau yang menyokongnya tidaklah boleh lagi mencadangkan atau menyokong apa-apa usul serupa itu sepanjang perbahasan yang itu juga.

Mendahului perbahasan.

35. (1) Adalah menyalahi tatacara mesyuarat untuk mendahului perbahasan atas sesuatu Rang Undang-Undang yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat dengan membahaskan sesuatu usul substantif atau pindaan yang membicarakan hal perkara yang sama dengannya atau dengan membangkitkan hal perkara Rang Undang-Undang itu semasa dicadangkan usul untuk menanggukkan Dewan atau dalam sesuatu persoalan.

(2) Adalah menyalahi tatacara mesyuarat untuk mendahului perbahasan atas sesuatu usul yang notis mengenainya telah diberikan dengan membahaskan sesuatu pindaan atau dengan membangkitkan hal perkara yang sama semasa dicadangkan usul untuk menanggukkan Dewan atau dalam sesuatu persoalan.

(3) Bagi memutuskan sama ada perbahasan itu adalah mengikut ataupun menyalahi tatacara mesyuarat kerana mendahului perbahasan, perhatian hendaklah diberikan oleh Pengerusi kepada



kebarangkalian perkara yang didahulukan perbahasannya itu dibawa ke Dewan dalam tempoh masa yang munasabah.

Menutup perbahasan.

36. (1) Setelah sesuatu persoalan dikemukakan kepada mesyuarat, seseorang ahli yang bangun di tempatnya boleh minta dicadangkan usul "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*" dan, melainkan jika ternampak kepada Pengerusi bahawa usul itu menyalahi peraturan-peraturan Dewan atau melanggar hak-hak kaum minoriti, persoalan "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*" hendaklah dikemukakan bagi diputuskan dengan serta-merta dan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan walaupun pencadang kepada usul yang mula itu atau pindaan ke atas usul itu tidak ada peluang untuk memberinya jawapannya.

(2) Apabila usul "*Bahawa persoalan ini diputuskan sekarang*" telah dipersetujui, dan persoalan asal telah diputuskan, mana-mana ahli boleh menuntut supaya apa-apa persoalan lain yang telahpun dikemukakan oleh Pengerusi diputuskan sekarang dan, jika Pengerusi bersetuju, persoalan itu hendaklah dikemukakan kepada mesyuarat bagi diputuskannya dengan serta-merta dan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(3) Persoalan hendak menutup perbahasan tidak boleh diputuskan dengan persetujuan mesyuarat setelah diadakan belah-bahagian, walaupun dalam belah-bahagian itu ramai yang bersetuju daripada yang tidak bersetuju, melainkan jika ternampak daripada bilangan pengundi yang diisytiharkan oleh Pengerusi terdapat majoriti sebanyak tidak kurang daripada lima ahli yang telah mengundi menyokongi usul itu.

Tingkah laku ahli-ahli yang tidak berucap.

37. Sepanjang sidang mesyuarat –

- (a) semua ahli hendaklah masuk ke Dewan atau keluar dari Dewan dan berkelakuan semasa di dalam Dewan dengan penuh sopan santun;
- (b) seseorang ahli tidak boleh melintas ruangan di tengah Dewan dengan tidak ada hal;
- (c) ahli-ahli tidak boleh membaca suratkhabar, buku, surat atau lain-lain dokumen kecuali apa-apa perkara di dalamnya yang ada kaitan secara langsung dengan urusan yang sedang dibahaskan;

- (d) seseorang ahli tidak boleh merokok di dalam Dewan;
- (e) semua ahli lain hendaklah, semasa seseorang ahli sedang berucap, diam dan tidak boleh mengganggu dengan tidak wajarnya.

Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi berucap.

38. Bilamasa ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi, atau bilamasa Pengerusi mencelah semasa berlangsungnya perbahasan, mana-mana ahli yang berucap ketika itu, atau yang menawarkan diri untuk berucap, hendaklah duduk, dan Dewan atau Jawatankuasa hendaklah diam agar ucapan Pengerusi boleh didengar tanpa gangguan.

Keputusan Pengerusi adalah muktamad.

39. Pengerusi hendaklah bertanggungjawab atas pematuhan akan peraturan-peraturan dalam Dewan dan Jawatankuasa masing-masing, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara tatacara mesyuarat tidaklah boleh dirayui dan juga tidak boleh dikaji semula oleh Dewan kecuali atas usul substantif yang dicadangkan bagi maksud itu. Usul seperti itu tidaklah memerlukan notis lebih daripada dua hari.

Tertib dalam Dewan.

40. (1) Pengerusi, setelah menarik perhatian Dewan, atau Jawatankuasa, kepada kelakuan seseorang ahli yang berkeras dengan sikap menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau menggunakan bahasa kesat dan provokatif atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain yang menjemukan dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu supaya berhenti berucap.

(2) Pengerusi hendaklah memerintahkan mana-mana ahli yang kelakuannya tidak senonoh, atau yang kelakuan tidak mematuhi perintah di bawah Peraturan Mesyuarat 40(1) atau tingkah lakunya adalah menghinakan Dewan supaya keluar dengan serta-merta dari Dewan hingga habis sidangan pada hari itu, dan Bentara Mesyuarat atau mana-mana pegawai polis atau pegawai Dewan hendaklah bertindak mengikut apa-apa perintah yang diterimanya daripada Pengerusi menurut Peraturan Mesyuarat ini; tetapi jika, pada bila-bila ketika, Pengerusi sifatkan bahawa kuasa di bawah perenggan ini dan perenggan (1) adalah tidak mencukupi, maka dia boleh menamakan ahli atau ahli-ahli yang berkenaan dan dalam hal yang demikian prosedur yang sama sepertimana yang ditetapkan dalam perenggan (3), (4), (5), (6) dan (7) hendaklah diikuti.

- (3) Jika mana-mana ahli telah –
- (a) berkeras dan bersengaja menghalang urusan Dewan; atau
  - (b) bersalah kerana berkelakuan tidak senonoh; atau
  - (c) menggunakan perkataan-perkataan yang dibantahi yang mana dia enggan menariknya balik; atau
  - (d) berkeras dan bersengaja enggan mematuhi Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini atau mana-mana satu atau lebih daripadanya; atau
  - (e) berkeras dan sengaja mengabaikan kuasa Pengerusi termasuk mana-mana perintah di bawah Peraturan Mesyuarat 40(1).

(4) Bila masa seseorang ahli telah disebutkan namanya oleh Pengerusi sebaik sahaja selepas berlakunya mana-mana daripada kesalahan dalam perenggan (3), suatu usul hendaklah dengan serta-merta dicadangkan oleh seorang Menteri dan disokong oleh seorang lagi Menteri atau seorang Menteri Muda yang hadir berbunyi demikian "*Bahawa Encik ..... digantung sebagai ahli Dewan*", dan Speaker hendaklah dengan serta-merta mengemukakan persoalan mengenai usul itu bagi diputuskan oleh mesyuarat tanpa dibenarkan sebarang pindaan, penangguhan atau perbahasan ke atasnya, dan, jika kesalahan itu dilakukan dalam Jawatankuasa seluruh Dewan, Pengerusi hendaklah dengan serta-merta menggantungkan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa dan memaklumkan hal-hal keadaan itu kepada Dewan; dan Speaker hendaklah atas suatu usul dengan serta-merta mengemukakan persoalan yang sama kepada Dewan bagi diputuskan oleh mesyuarat tanpa dibenarkan sebarang pindaan, penangguhan atau perbahasan ke atasnya seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam Dewan itu sendiri.

(5) Tidak lebih daripada seorang ahli boleh disebutkan namanya serentak, melainkan jika dua orang atau lebih daripada dua orang ahli yang hadir telah bersesama tidak mengendahkan kuasa Pengerusi.

(6) Jika seseorang ahli digantung khidmatnya di bawah Peraturan Mesyuarat ini, maka dia hendaklah diarahkan keluar dari Dewan oleh Speaker, dan penggantungan khidmatnya itu hendaklah berakhir bila mesyuarat tamat atau untuk mana-mana tempoh dan tertakluk kepada denda yang boleh ditetapkan melalui usul yang diluluskan oleh Dewan

atau sehingga beliau memohon maaf kepada Dewan atas kelakuan beliau yang menyebabkan penggantungan khidmatnya itu.

(7) Jika seseorang ahli, atau dua orang atau lebih daripada dua orang ahli bertindak bersesama yang telah digantung khidmatnya di bawah Peraturan Mesyuarat ini, ingkar mematuhi arahan Speaker yang menyuruhnya keluar, apabila setiap orang itu disuruh keluar oleh Bentara Mesyuarat menurut arahan Speaker, maka Speaker hendaklah menarik perhatian Dewan kepada hakikat bahawa perlulah diambil langkah tegas bagi memaksa ahli-ahli itu mematuhi arahan tersebut. Apabila ahli atau ahli-ahli yang telah disebutkan namanya oleh Speaker sebagai telah enggan mematuhi arahnya telah dikeluarkan dari Dewan, maka ahli atau ahli-ahli itu hendaklah tergantung khidmatnya sebagai ahli Dewan sehinggalah habis penggal tanpa dikemukakan persoalan itu kepada mesyuarat bagi diputuskan.

(8) Ahli-ahli yang diperintahkan keluar Dewan menurut perenggan (2), atau yang telah digantung khidmatnya sebagai ahli Dewan menurut perenggan (4) dan (7), hendaklah dengan serta-merta keluar dari kawasan Dewan dan tidak dibenarkan masuk sehingga habis sidangan atau selama tempoh penggantungan mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(9) Dalam hal berlakunya kekacauan besar yang berbangkit di dalam Dewan, Speaker boleh, jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian, menanggungkan mesyuarat Dewan tanpa meminta keputusan mesyuarat atau menggantungkan sidangan selama tempoh masa yang ditetapkannya; dan dalam hal kekacauan besar yang berbangkit di dalam Jawatankuasa seluruh Dewan pula, Pengerusi boleh menggantungkan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa dan memaklumkan hal-hal keadaan itu kepada Dewan, dan berikutan dengan itu Speaker boleh mengambil tindakan seolah-olah kekacauan itu telah berbangkit di dalam Dewan itu sendiri.

(10) Tiada apa-apa jua dalam Peraturan Mesyuarat ini boleh dikira sebagai melucutkan Dewan daripada kuasa untuk meneruskan tindakan terhadap mana-mana ahli mengikut apa-apa ketetapan Dewan.

Memutuskan  
persoalan-  
persoalan.

41. (1) Tertakluk kepada Perkara 41(2) Perlembagaan Negeri Sarawak dan Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, Dewan hendaklah, mengikut Perkara 24(3) Perlembagaan Negeri Sarawak, membuat keputusannya mengikut majoriti biasa ahli-ahli yang mengundi; dan Speaker atau mana-mana orang lain yang mempengerusikan mesyuarat

hendaklah membuang undi pemutusnya bilamana perlu untuk mengelakkan daripada bilangan undi itu menjadi sama banyak, tetapi tidaklah boleh mengundi dalam apa-apa jua hal lain.

(2) Mengikut Perkara 24(4) Perlembagaan Negeri Sarawak, seseorang ahli yang tidak hadir dalam mesyuarat Dewan tidaklah dibenarkan mengundi.

Undi dengan suara.

42. (1) Seseorang ahli tidak boleh berucap atas apa-apa persoalan yang telah selesai dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan.

(2) Sesuatu persoalan adalah selesai dikemukakan bagi diputuskan apabila Pengerusi telah mengumpulkan undi-undi yang bersetuju dan juga undi-undi yang tidak bersetuju.

(3) Apabila persoalan itu telah dikemukakan oleh Pengerusi kepada mesyuarat bagi diputuskan setelah tamat perbahasan, maka undian hendaklah diambil dengan cara suara *Ya* dan *Tidak* dan (dengan syarat bahawa tiada ahli meminta diadakan belah-bahagian) keputusan undian itu hendaklah diisytiharkan oleh Pengerusi.

(4) Jika pendapat Pengerusi berkenaan dengan keputusan atas sesuatu persoalan dicabar oleh mana-mana ahli yang meminta diadakan belah-bahagian, maka Pengerusi hendaklah meminta ahli-ahli yang hendakkan belah-bahagian itu bangun di tempat masing-masing. Jika kurang daripada sepuluh orang ahli bangun, maka Pengerusi hendaklah sama ada mengisytiharkan keputusan itu dengan serta-merta atau memerintah diadakan belah-bahagian. Jika sepuluh orang atau lebih daripada sepuluh orang ahli bangun, maka Pengerusi hendaklah memerintah diadakan belah-bahagian.

Belah-bahagian.

43. (1) Apabila belah-bahagian telah diperintahkan, maka loceng hendaklah dibunyikan selama lima minit dan selepas tamatnya masa itu, Speaker hendaklah mengarahkan supaya pintu masuk ke dalam Dewan ditutup. Undi-undi hendaklah kemudiannya diambil oleh Setiausaha yang akan bertanya setiap ahli secara berasingan pihak mana hendak diundinya, mengikut susunan abjad dan hendaklah mencatatkan undi setiap ahli dan juga ahli yang tidak mengundi ke dalam Buku Undian dan Perjalanan Mesyuarat.

(2) Apabila seseorang ahli itu ditanya pihak mana hendak diundinya dalam sesuatu belah-bahagian, dia boleh menjawab atau menunjukkan dengan apa-apa cara sebagaimana diarahkan oleh Pengerusi

sama ada mengatakan dia mengundi bagi pihak Ya atau bagi pihak Tidak atau dengan menyatakan terang-terang yang dia tidak hendak mengundi. Seseorang ahli tidak boleh memberi jawapan atau menunjukkan dengan cara yang berlawanan dengan apa-apa pendapat yang telah disuarakannya pada masa diadakan undian dengan suara beramai-ramai.

(3) Apabila setiap ahli yang hadir telah ditanya pihak mana hendak diundinya, maka Pengerusi hendaklah menyebutkan berapa bilangan undi yang bersetuju dan yang tidak bersetuju dan selepas itu hendaklah mengisytiharkan keputusan belah-bahagian itu atau memberi undi pemutusnya, mengikut kehendak keadaan.

(4) Jika seseorang ahli menyatakan bahawa dia telah tersilap mengundi atau bahawa undinya telah tersalah kira, maka dia boleh minta undinya itu diubah dengan syarat bahawa permintaan itu dibuat sebaik sahaja selepas Pengerusi mengumumkan bilangan undi bagi pihak masing-masing tetapi sebelum Pengerusi mengisytiharkan keputusan belah-bahagian itu.

(5) Seseorang ahli tidaklah boleh mengundi atas apa-apa perkara yang mana dia ada kepentingan kewangan diri secara langsung (selain perkara gaji atau saraan di bawah Perlembagaan Negeri Sarawak) tetapi sesuatu usul hendak membatalkan undi seseorang ahli atas alasan ini hanya boleh dibuat dengan serta-merta sebaik sahaja bilangan undi ahli-ahli yang mengundi atas persoalan ini telah diisytiharkan. Jika usul ini dipersetujui oleh mesyuarat, maka Pengerusi hendaklah mengarahkan Setiausaha membetulkan bilangan yang mengundi dalam belah-bahagian itu dengan sewajarnya.

## **PERATURAN BERKENAAN DENGAN RANG UNDANG-UNDANG**

Membawa  
Rang  
Undang-  
Undang dan  
bacaan kali  
pertama  
baginya.

44. Seseorang Menteri atau Menteri Muda boleh, setelah memberi notis sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu, membawa Rang Undang-Undang dalam mesyuarat tanpa mendapat perintah Dewan untuk memperkenalkannya dan apabila sesuatu Rang Undang-Undang yang demikian itu dibawa ke dalam Dewan, tajuk Rang Undang-Undang itu hendaklah dibacakan oleh Setiausaha di Meja Mesyuarat dan Rang Undang-Undang itu hendaklah sesudah itu disifatkan telah dibaca bagi kali pertama dan diterima bagi bacaan kali kedua pada hari sidangan mesyuarat yang itu juga atau yang akan datang.

Rang Undang-Undang daripada Ahli Dewan biasa.

45. (1) Tertakluk kepada Perkara 24(7) Perlembagaan Negeri Sarawak, mana-mana Ahli Dewan biasa yang berhasrat membawa Rang Undang-Undang boleh meminta izin Dewan untuk berbuat demikian, dengan menyatakan sekali tujuan dan ciri-ciri penting dalam Rang Undang-Undang itu.

(2) Setiap permohonan itu hendaklah dibuat dalam bentuk satu usul, dan ahli yang membuat permohonan itu hendaklah juga menyampaikan kepada Setiausaha satu salinan usulnya yang mengandungi tajuk Rang Undang-Undang yang dicadangkannya itu.

(3) Apabila permohonan itu dipersetujui setelah usul itu dikemukakan kepada mesyuarat dan dipersetujui, Rang Undang-Undang itu hendaklah disifatkan telah dibaca bagi kali pertama dan diperintahkan supaya dicetak; dan satu salinan Rang Undang-Undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha.

(4) Rang Undang-Undang itu hendaklah, tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 47, sesudah itu dicetak dan diedarkan kepada ahli-ahli dan, tanpa perbincangan, terserahkan Rang Undang-Undang ini kepada Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab atas perkara-perkara atau fungsi-fungsi yang terkandung dalam Rang Undang-Undang itu atau, jika tiada Menteri yang berkenaan, maka Rang Undang-Undang itu terserahkan kepada mana-mana Menteri lain atau ahli yang dilantik oleh Speaker; dan tiada langkah lanjut boleh diambil ke atas Rang Undang-Undang ini sehinggalah Dewan menerima penyata daripada Menteri atau ahli itu.

(5) Setelah diterima penyata yang disebut dalam perenggan (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah ditetapkan bagi bacaan kali kedua pada hari yang dikehendaki oleh ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu.

Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa dan Rang Undang-Undang Campuran.

46. (1) Jika mana-mana ahli bercadang hendak membawa sesuatu Rang Undang-Undang yang bertujuan menyentuh atau mendatangkan faedah kepada beberapa orang atau persatuan atau perbadanan tertentu (yang disebut "Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa" dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini), maka notis berkenaan dengan Rang Undang-Undang itu bolehlah diberi dengan jalan mengisytiharkan dalam Warta suatu kenyataan mengandungi isi secara am dan tujuan-tujuan Rang Undang-Undang itu, dan juga sekurang-kurangnya dalam sebuah akhbar yang beredar di dalam Negeri, dan perisytiharan-perisytiharan itu hendaklah disiarkan sekurang-kurangnya sebulan terlebih dahulu daripada hari hendak dicadangkan usul meminta

izin hendak mengemukakan Rang Undang-Undang itu. Apabila dipersetujui permohonan hendak membawa Rang Undang-Undang itu setelah dikemukakan kepada mesyuarat dan usul itu dipersetujui, Rang Undang-Undang itu hendaklah disifatkan telah dibaca bagi kali pertama dan diperintahkan supaya dicetak, dan satu salinan Rang Undang-Undang itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha; dan kemudiannya, tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 47, Rang Undang-Undang itu hendaklah dicetak dan diedarkan kepada ahli-ahli.

(2) Setiap Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa hendaklah mengandungi satu bahagian yang memelihara hak-hak Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja dan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak, hak-hak semua badan politik dan pertubuhan dan hak-hak yang lain-lain, kecuali apa yang tersebut dalam Rang Undang-Undang itu, dan badan atau pertubuhan yang menuntut hak menerusnya atau daripadanya atau dengan namanya.

(3) Setiap Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa, dan apa-apa Rang Undang-Undang lain yang pada pendapat Speaker ternampak sebagai menyentuh hak-hak atau kepentingan-kepentingan individu (yang disebut sebagai "Rang Undang-Undang Campuran" dalam Peraturan-Peraturan ini) hendaklah, setelah dibaca bagi kali kedua, dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan yang di hadapannya mana-mana pihak terjejas telah dahulunya menghantar petisyen kepada Dewan menurut Peraturan Mesyuarat 16 boleh memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan.

(4) Seseorang ahli tidak dibenarkan menganggotai Jawatankuasa Pilihan itu sehingga dia telah membuat dan menandatangani surat akuan yang menyatakan:

- (a) bahawa dia tidak ada kepentingan kewangan diri berkenaan dengan Rang Undang-Undang itu; dan
- (b) bahawa dia tidak akan mengundi atas sebarang persoalan yang mungkin berbangkit dan keterangan mungkin diberi berkenaan dengannya itu, sebelum mendengar dan menimbangkan keterangan yang berhubung dengan persoalan itu.

(5) Setiap Jawatankuasa Pilihan yang menimbangkan Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa atau Rang Undang-Undang Campuran memerlukan bukti tentang fakta-fakta dan pengataan-pengataan lain yang disebutkan dalam Rang Undang-Undang yang dapat menunjukkan bahawa mustahaklah Rang Undang-Undang itu diluluskan, dan Jawatankuasa



Pilihan itu boleh menerima apa-apa keterangan lisan atau keterangan-keterangan lain yang difikirkannya perlu dan kemudiannya jika Jawatankuasa Pilihan mendapati bahawa fakta-fakta dan pengatahan-pengatahan itu tidak terbukti kebenarannya, Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah memaklumkan pendapatnya itu kepada Dewan.

(6) Jika Jawatankuasa Pilihan mendapati bahawa fakta-fakta dan pengatahan-pengatahan tersebut terbukti kebenarannya, maka Jawatankuasa Pilihan hendaklah meneruskan urusannya seperti yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 56, dan berkenaan dengan segala pindaan yang diperbuatnya itu Jawatankuasa Pilihan hendaklah menerangkan tujuannya dalam suatu penyata khas kepada Dewan.

(7) Berkenaan dengan Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa, Jawatankuasa Pilihan tidaklah boleh membenarkan dimasukkan apa-apa fasal yang terkeluar daripada syarat-syarat notis yang disiarkan dalam Warta.

(8) Ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu hendaklah bertanggungjawab atas pembayaran segala perbelanjaan yang ditanggung dalam memajukan Rang Undang-Undang itu.

Bentuk  
Rang  
Undang-  
Undang.

47. (1) Sebelum sesuatu Rang Undang-Undang dicetak, Setiausaha hendaklah berpuas hati bahawa –

- (a) Rang Undang-Undang itu ada terbahagi kepada fasal-fasal yang diberi nombor berturut-turut;
- (b) pada sebelah tepi atau kepala setiap fasal itu ada perkataan ringkas menunjukkan isi fasal-fasal itu;
- (c) Rang Undang-Undang itu tidak mengandungi perkara-perkara yang tidak ada kaitan dengan apa yang dimaksudkan oleh tajuk Rang Undang-Undang itu;
- (d) Rang Undang-Undang itu mematuhi Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini.

(2) Jika Setiausaha tidak berpuas hati bahawa perenggan (1) telah dipatuhi dalam apa jua perkara, maka dia hendaklah memberitahu Speaker akan hal itu; dan jika Speaker berpendapat sedemikian, maka dia hendaklah mengarahkan Setiausaha supaya memberitahu ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu yang Rang Undang-Undang itu tidak boleh dicetak sehinggalah perenggan tersebut telah dipatuhi.

(3) Dengan seberapa segera yang mungkin selepas pencetakan sesuatu Rang Undang-Undang, Setiausaha hendaklah mengedarkan satu salinan Rang Undang-Undang itu kepada setiap ahli dengan disertakan sekali huraian ringkas berkenaan Rang Undang-Undang itu yang mana, jika Rang Undang-Undang itu melibatkan perbelanjaan wang awam, hendaklah termasuk kenyataan yang bermaksud sedemikian dan sama ada menunjukkan tentang amaun perbelanjaan (jika ada) sepanjang yang dapat dianggarkan atau menerangkan yang amaunnya itu tidak mungkin dapat dianggarkan.

Penerbitan  
Ordinan.

48. (1) Setiap Ordinan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas dipersetujui oleh Yang di-Pertua Negeri, diterbitkan dalam Warta.

(2) Pada bila-bila masa jua sebelum penerbitan itu, Setiausaha boleh membetulkan kesalahan-kesalahan tentang nahu dan cetakan dalam Ordinan itu, atau sebutan isi ayat yang berulang-ulang atau rujukan silang atau nota birai atau nota kepala, dan pada membetulkannya itu bolehlah ditambah atau dipotong apa-apa perkataan atau digantikannya dengan perkataan lain.

Pihak-pihak  
yang terjejas  
dengan  
Rang  
Undang-  
Undang.

49. Sekiranya hak-hak atau kepentingan-kepentingan individu mungkin benar-benar terjejas dengan sesuatu Rang Undang-Undang, maka semua pihak yang terjejas itu boleh, jika mereka membuat petisyen, didengar di hadapan Jawatankuasa yang menimbangkan Rang Undang-Undang itu.

Bacaan kali  
kedua.

50. (1) Jika dicadang hendak membincangkan Rang Undang-Undang dalam sidang yang itu juga atau yang akan datang, maka notis bagi bacaan kali kedua mestilah diberi sebaik sahaja selepas bacaan kali pertama.

(2) Rang Undang-Undang tidak boleh dibaca bagi kali kedua sehingga ia telah diedarkan kepada ahli-ahli.

(3) Apabila sampai masa untuk dibacakan Rang Undang-Undang bagi kali kedua mengikut Aturan Urusan Mesyuarat, maka suatu usul boleh dibuat menyatakan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang*" dan perbahasan boleh diadakan yang meliputi buruk-baiknya dan prinsip-prinsip secara umum mengenai Rang Undang-Undang itu.

(4) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali kedua, sesuatu pindaan, yang mana sekurang-kurangnya satu hari notis bertulis telah diberikan kepada persoalan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua sekarang*" dengan dipotong perkataan "*sekarang*" dan ditambah di hujung persoalan itu perkataan-perkataan "*enam bulan dari hari ini*", atau sebaliknya pindaan boleh dicadangkan untuk memotong semua perkataan selepas perkataan "*Bahawa*" itu kerana hendak ditambah perkataan-perkataan dengan menyatakan tujuan dan motif yang berasaskan kepadanya bantahan dibuat kepada Rang Undang-Undang itu, tetapi perkataan-perkataan yang hendak ditambah itu mestilah betul-betul ada kaitan dengan asas Rang Undang-Undang itu dan bukan hanya menyentuh butir-butirnya sahaja. Jika Dewan bersetuju dengan salah satu bentuk pindaan yang demikian itu, maka bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang itu hendaklah disifatkan sebagai tidak dipersetujui.

Penyerahan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa.

51. (1) Sesuatu Rang Undang-Undang boleh diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan sebelum ia dibaca bagi kali kedua.

(2) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah dibaca bagi kali kedua, Rang Undang-Undang itu akan terserahlah kepada Jawatankuasa seluruh Dewan melainkan jika Dewan, atas usul, menyerahkannya pula kepada Jawatankuasa Pilihan. Usul itu tidak memerlukan notis, tetapi mestilah dibuat sebaik sahaja selepas Rang Undang-Undang itu dibaca bagi kali kedua, dan usul itu boleh dicadangkan oleh mana-mana ahli; persoalan atas usul itu hendaklah dikemukakan serta-merta kepada mesyuarat dan hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

Fungsi-fungsi Jawatankuasa membincang Rang Undang-Undang.

52. (1) Mana-mana Jawatankuasa yang telah diserahkan dengan sesuatu Rang Undang-Undang sebelum bacaan kali kedua boleh membincangkan tentang butir-butir Rang Undang-Undang itu dan juga tentang buruk-baik dan prinsip-prinsipnya.

(2) Mana-mana Jawatankuasa yang telah diserahkan dengan sesuatu Rang Undang-Undang selepas bacaan kali kedua tidak boleh membahaskan tentang prinsip-prinsip Rang Undang-Undang itu tetapi hanya tentang butir-butirnya sahaja.

(3) Tertakluk kepada Perkara 24(7) Perlembagaan Negeri Sarawak, mana-mana Jawatankuasa itu berkuasa untuk membuat apa-apa pindaan kepada Rang Undang-Undang sebagaimana yang difikirkannya

patut, dengan syarat bahawa pindaan-pindaan itu (termasuk fasal-fasal baru dan jadual-jadual baru) ada kaitannya dengan hal perkara Rang Undang-Undang itu, tetapi jika mana-mana pindaan itu tidak menepati tajuk Rang Undang-Undang itu, Jawatankuasa itu hendaklah meminda tajuk Rang Undang-Undang itu sewajarnya, dan hendaklah memaklumkan hal itu kepada Dewan.

Jawatankuasa seluruh Dewan.

53. Jika mana-mana ahli, sebelum tamatnya perjalanan mesyuarat yang membincang sesuatu Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa seluruh Dewan, mencadangkan untuk memaklumkan kepada Dewan tentang kemajuan mesyuarat dan usul itu dipersetujui, atau jika perjalanan mesyuarat dalam Jawatankuasa seluruh Dewan belum tamat lagi pada pukul 6.30 petang, maka Speaker hendaklah memaklumkan tentang kemajuan mesyuarat itu kepada Dewan serta meminta keizinannya untuk bersidang sekali lagi, dan ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu hendaklah menetapkan hari bagi penyambungan semula perjalanan mesyuarat itu.

Prosedur dalam Jawatankuasa seluruh Dewan yang membincang Rang Undang-Undang.

54. (1) Setiausaha hendaklah menyebutkan nombor setiap satu fasal atau nombor fasal-fasal dalam Rang Undang-Undang berturut-turut. Jika tidak ada pindaan dicadangkan kepada sesuatu fasal, atau setelah selesainya segala pindaan yang dicadangkan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat persoalan "*Bahawa fasal ini (seperti yang telah dipinda) menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini*" dan, apabila semua ahli yang hendak berucap telah berucap mengenai perkara itu, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Jawatankuasa bagi diputuskannya.

(2) Apa-apa pindaan yang hendak dicadangkan hendaklah diberikan notis sekurang-kurangnya satu hari terlebih dahulu. Apa-apa pindaan yang dicadangkan yang mana notis mengenainya telah tidak diberikan hendaklah diserahkan kepada Pengerusi secara bertulis dan tidak boleh dicadangkan, melainkan jika Pengerusi berpuas hati bahawa dalam keadaan begitu tidaklah praktik untuk diberikan notis yang sedemikian.

(3) Tiada pindaan boleh dicadangkan jika ia berlawanan dengan mana-mana fasal yang telahpun dipersetujui atau dengan apa-apa keputusan yang telahpun diambil oleh Jawatankuasa, dan Pengerusi boleh, pada bila-bila masa sepanjang perbincangan atas sesuatu pindaan yang dicadangkan itu, menarik balik kesemua pindaan itu daripada dipertimbangkan oleh Jawatankuasa, jika pada pendapatnya perbincangan itu telah membuktikan bahawa pindaan itu melanggar perenggan ini.

(4) Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan kepada mesyuarat jika pada pendapatnya pindaan itu -

- (a) akan menjadikan fasal atau jadual yang dicadang hendak dipindanya itu tidak dapat difahami atau salah dari segi nahunya; atau
- (b) remeh-temeh; atau
- (c) merupakan cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan peruntukan-peruntukan lain.

(5) Peraturan Mesyuarat 29(4) hendaklah dipakai bagi perbincangan ke atas pindaan-pindaan kepada Rang Undang-Undang dengan menggantikan mengikut mana-mana yang sesuai perkataan "usul" atau "persoalan" dengan perkataan "fasal"; dan apa-apa pindaan yang dicadangkan ke atas pindaan sedemikian itu hendaklah diselesaikan sebelum keputusan diambil ke atas pindaan asal.

(6) Sesuatu fasal boleh ditunda, melainkan jika keputusan telahpun dibuat mengenai sesuatu pindaan kepadanya. Fasal-fasal yang ditunda itu hendaklah dipertimbangkan setelah selesai dipertimbangkan semua fasal yang ada tertinggal lagi dalam Rang Undang-Undang itu dan sebelum dibawa fasal-fasal baru.

(7) Apa-apa fasal baru yang dicadangkan hendaklah dipertimbangkan setelah selesai dipertimbangkan fasal-fasal dalam Rang Undang-Undang itu tetapi sebelum dipertimbangkan mana-mana jadual kepada Rang Undang-Undang itu:

Dengan syarat bahawa sesuatu fasal baru yang dicadang untuk menggantikan sesuatu fasal yang tidak dipersetujui boleh dipertimbangkan sebaik sahaja ditolak fasal yang sedia ada itu.

(8) Apabila tajuk kepada mana-mana fasal baru dibacakan oleh Setiausaha, fasal itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibacakan bagi kali pertama. Kemudiannya hendaklah dikemukakan kepada mesyuarat

persoalan "*Bahawa fasal ini dibacakan bagi kali kedua*"; jika persoalan ini dipersetujui, maka pindaan-pindaan boleh dicadangkan kepada fasal baru itu. Persoalan akhir sekali yang hendak dikemukakan kepada mesyuarat ialah persoalan "*Bahawa fasal ini (seperti yang telah dipinda) dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang ini*".

(9) Jadual-jadual hendaklah diselesaikan mengikut cara yang sama seperti fasal-fasal itu juga dan apa-apa jadual baru yang dicadangkan hendaklah dipertimbangkan setelah selesai jadual-jadual kepada Rang Undang-Undang, dan hendaklah diolahkan mengikut cara yang sama seperti mempertimbangkan sesuatu fasal baru.

(10) Setelah selesai dipertimbangkan setiap fasal dan jadual dan setiap fasal dan jadual baru yang dicadangkan, maka mukadimah, jika ada, hendaklah dipertimbangkan dan keputusan mesyuarat diminta atas persoalan "*Bahawa mukadimah ini (seperti yang telah dipinda) menjadi mukadimah kepada Rang Undang-Undang ini*". Tiada pindaan kepada mukadimah itu boleh dipertimbangkan jika tidak perlu diadakan disebabkan pindaan yang terdahulu kepada Rang Undang-Undang itu.

(11) Jika perlu dipinda tajuk Rang Undang-Undang, maka pindaan itu hendaklah dibuat setelah selesai perbincangan-perbincangan yang dinyatakan di atas, tetapi persoalan yang menyatakan bahawa tajuk itu (seperti yang telah dipinda) tetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang itu boleh dikemuka bagi diputuskan; dan juga persoalan mengenai formula pengkanunan undang-undang tidak boleh dikemuka bagi diputuskan.

(12) Apabila tamat perbincangan atas Rang Undang-Undang itu dalam Jawatankuasa, maka ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu hendaklah mencadangkan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini [seperti yang telah dipinda] dimaklumkan kepada Dewan*" dan persoalan berkenaan dengannya itu hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(13) Sebaik sahaja Jawatankuasa seluruh Dewan bersetuju bahawa Rang Undang-Undang itu dimaklumkan kepada Dewan, Pengerusi hendaklah berhenti menjadi Pengerusi Jawatankuasa dan sidang Dewan hendaklah disambung semula, dan ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu hendaklah memaklumkan kepada Dewan dan Dewan boleh meneruskan tindakan untuk membaca Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiga.

Prosedur dalam Jawatankuasa Pilihan yang menimbang Rang Undang-Undang.

55. (1) Jawatankuasa Pilihan yang menimbang Rang Undang-Undang hendaklah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 75 dan 76, tetapi sebelum memaklumkan Rang Undang-Undang itu kepada Dewan, Jawatankuasa itu hendaklah menimbang Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 54 (1) hingga (4).

(2) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah dipinda dalam Jawatankuasa Pilihan, keseluruhan teks Rang Undang-Undang itu seperti yang telah dipinda, jika praktik, hendaklah dicetak sebagai sebahagian daripada penyata Jawatankuasa Pilihan itu; tetapi jika ini tidak praktik, teks bagi setiap fasal atau jadual yang telah dipinda dan setiap fasal baru atau jadual baru yang telah ditambah itu hendaklah dicetak.

Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-Undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan.

56. (1) Jika mana-mana ahli berhasrat hendak memotong atau meminda mana-mana peruntukan yang terkandung dalam sesuatu Rang Undang-Undang yang dimaklumkan kepada Dewan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan atau hendak menambah apa-apa peruntukan baru kepada Rang Undang-Undang itu, maka ahli itu boleh, pada bila-bila masa sebelum seorang ahli bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu dibacakan bagi kali ketiga, mencadangkan supaya Rang Undang-Undang itu diserahkan sekali lagi kepada Jawatankuasa seluruh Dewan sama ada kesemuanya sekali ataupun hanya berkenaan dengan bahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja atau berkenaan dengan jadual atau fasal baru yang dicadangkan sahaja; notis usul tidak diperlukan dan, jika usul itu dipersetujui, Rang Undang-Undang itu terserah sekali lagi kepada Jawatankuasa. Dewan hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa mengikut Peraturan Mesyuarat 51 untuk menimbang perkara yang telah diserahkan balik kepadanya itu. Jika sesuatu usul hendak menyerahkan balik sesuatu Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa seluruh Dewan dibangkang, maka Speaker hendaklah membenarkan pencadang usul itu memberi huraian secara ringkas tentang sebab-sebabnya kenapa dia hendak serahkan balik Rang Undang-Undang itu dan juga pembangkang usul itu memberi huraian secara ringkas tentang sebab-sebabnya kenapa dia tidak bersetuju yang Rang Undang-Undang itu diserahkan balik; dan kemudiannya tanpa perbincangan lanjut mengemukakan persoalan itu bagi diputuskan.

(2) Apabila semua sekali Rang Undang-Undang itu diserahkan balik kepada Jawatankuasa, Jawatankuasa hendaklah menimbang Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 54.

(3) Apabila hanya sebahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu ataupun sesetengah fasal baru atau jadual baru yang dicadangkan daripada Rang Undang-Undang itu sahaja diserahkan balik kepada Jawatankuasa, maka Jawatankuasa itu hendaklah menimbangkan hanya perkara-perkara yang diserahkan balik itu sahaja dan juga apa-apa pindaan yang dicadangkan kepadanya.

(4) Setelah selesai perjalanan mesyuarat dalam Jawatankuasa menimbangkan Rang Undang-Undang yang diserahkan balik mengikut Peraturan Mesyuarat ini, ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu hendaklah mencadangkan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini [seperti yang telah dipinda setelah diserahkan balik] dimaklumkan kepada Dewan*" dan persoalan berkenaan dengan usul ini hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

Perbincangan atas Rang Undang-Undang yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan.

57. (1) Setelah sesuatu Rang Undang-Undang itu dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan, Dewan hendaklah meneruskan tindakan untuk menimbang Rang Undang-Undang itu sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan setelah dikeluarkan usul "*Bahawa penyata Jawatankuasa Pilihan itu diluluskan*".

(2) Jika usul itu dipersetujui tanpa pindaan, maka Dewan boleh meneruskan tindakan bagi Rang Undang-Undang itu dibaca kali ketiga sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jawatankuasa Pilihan itu.

(3) Apabila usul hendak meluluskan penyata sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkenaan dengan sesuatu Rang Undang-Undang dikemukakan, mana-mana ahli boleh mencadangkan pindaan untuk menambah, di hujung usul itu, perkataan-perkataan "*tertakluk kepada penyerahan balik Rang Undang-Undang ini [sama ada kesemuanya sekali ataupun sebahagian atau bahagian-bahagian yang tertentu sahaja atau sesetengah fasal baru atau jadual baru yang dicadangkan sahaja] kepada Jawatankuasa seluruh Dewan*" dan jika usul itu dipersetujui dengan pindaan seperti itu, Rang Undang-Undang itu terserah sekali lagi kepada Jawatankuasa. Kemudiannya Dewan boleh, atas usul yang dibuat mengikut Peraturan Mesyuarat 51, bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan perkara yang telah diserahkan balik kepadanya itu.

(4) Jawatankuasa seluruh Dewan menimbangkan Rang Undang-Undang yang diserahkan balik di bawah Peraturan Mesyuarat ini hendaklah terus menimbangkan Rang Undang-Undang itu mengikut Peraturan Mesyuarat 56(2) atau (3), dan aturan menamatkan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa itu dan perjalanan mesyuarat yang lain lagi



ke atas Rang Undang-Undang itu hendaklah tertakluk kepada Peratuan Mesyuarat 56(4).

Bacaan kali ketiga.

58. (1) Waktu hendak dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiga, pindaan boleh dicadangkan kepada persoalan "*Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga sekarang*" sama seperti yang dicadangkan bagi bacaan kali kedua tetapi perbahasan hendaklah dibataskan kepada isi kandungan Rang Undang-Undang itu, dan apa-apa pindaan berasas yang menimbulkan perkara-perkara yang tidak termasuk dalam Rang Undang-Undang itu adalah menyalahi tatacara mesyuarat.

(2) Dengan kebenaran Speaker, pindaan-pindaan untuk membetulkan kesilapan atau kealpaan boleh diadakan sebelum persoalan hendak dibacakan Rang Undang-Undang itu bagi kali ketiga dikemukakan oleh Pengerusi bagi diputuskan, tetapi pindaan-pindaan atas perkara yang matan tidak boleh dicadangkan.

(3) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah dibaca bagi kali ketiga, Setiausaha hendaklah menuliskan di hujung Rang Undang-Undang itu perkataan-perkataan "*Diluluskan pada hari ini*", dengan memberi tarikhnya, dan hendaklah membentangkannya kepada Speaker untuk mendapatkan persetujuan Yang di-Pertua Negeri.

Menarik balik dan menangguhkan Rang Undang-Undang.

59. Sama ada sebelum dimulakan urusan mesyuarat atau apabila sampai pada perkara Rang Undang-Undang itu dalam Aturan Urusan Mesyuarat, ahli yang ditugaskan dengan sesuatu Rang Undang-Undang boleh, tanpa notis, mencadangkan usul, yang tidak boleh dipinda atau dibahas, meminta Rang Undang-Undang itu ditarik balik atau peringkat satu lagi Rang Undang-Undang itu ditundakan.

Rang Undang-Undang yang pada sebahagian besarnya mengandungi peruntukan-peruntukan yang sama maksudnya.

60. Sebaik sahaja sesuatu Rang Undang-Undang dipersetujui atau tidak dipersetujui untuk dibaca bagi kali kedua, tiada persoalan boleh dicadangkan dalam penggal yang itu juga untuk dibacakan bagi kali kedua mana-mana Rang Undang-Undang lain yang mengandungi peruntukan-peruntukan yang pada sebahagian besarnya sama sahaja maksudnya.

Tertulunya  
Rang  
Undang-  
Undang.

61. Sesuatu Rang Undang-Undang yang telah dikemukakan tetapi belum lagi dipersetujui oleh Dewan sebelum pemprorogasian atau pembubaran Dewan selepas Rang Undang-Undang itu dikemukakan tidaklah boleh terus dibincangkan lagi, tanpa menjejaskan bagaimanapun pengemukaan sesuatu Rang Undang-Undang bagi maksud-maksud yang rupa itu dalam penggal yang akan datang.

Pengetepian  
kehendak  
mencetak  
Rang  
Undang-  
undang.

62. Walau apa pun apa-apa jua dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, bilamasa Speaker berpuas hati bahawa kerana apa-apa jua sebab pencetakan mana-mana Rang Undang-Undang tidak praktik dilakukan disebabkan keterdesakan, maka Speaker boleh memperakukan sedemikian tentang Rang Undang-Undang itu, dan Rang Undang-Undang itu boleh terus dibincangkan meskipun ia belum lagi dicetak, dengan syarat bahawa salinan-salinan bersaiklostail atau bertaip boleh didapati bagi kegunaan ahli-ahli, dan Rang Undang-Undang itu boleh dipertimbangkan dalam semua peringkat dalam bentuk yang sedemikian.

## PROSEDUR KEWANGAN

Anggaran-  
anggaran  
Perbelanjaan  
Tahunan.

63. Draf anggaran-anggaran perbelanjaan dan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun akan datang hendaklah dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum Rang Undang-Undang Perbekalan tahunan dibawa ke dalam Dewan.

Anggaran  
pembangunan  
tahunan.  
Akta 406.  
[Semakan  
1989]

64. Satu penyata berkenaan dengan perbelanjaan yang dicadangkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi mana-mana tahun kewangan mengikut seksyen 4(1) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 hendaklah dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum sesuatu ketetapan menurut seksyen 4(3) Akta itu dikemukakan ke dalam Dewan.

Prosedur  
membahaskan  
Rang Undang-  
Undang  
Perbekalan  
dan  
menimbang-  
kan anggaran-  
anggaran  
pembangunan  
tahunan.

65. (1) Maka hendaklah dikemukakan ke dalam Dewan suatu Rang Undang-Undang Perbekalan yang hendaklah mengandungi anggaran tentang keperluan-keperluan kewangan bagi semua kepala perbelanjaan yang dikehendaki dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang Perbekalan menurut Perkara 31 Perlembagaan Negeri Sarawak bagi tahun yang berkenaan. Butir-butir tentang keperluan kewangan itu hendaklah dimasukkan ke dalam Anggaran-Anggaran yang disebut dalam Peraturan Mesyuarat 63.

(2) Sebaik sahaja selepas usul minta Rang Undang-Undang Perbekalan dibaca bagi kali kedua dicadangkan dan disokong tetapi sebelum perbahasan ke atasnya ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu hari genap, satu usul minta ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan bagi tahun yang berkenaan menurut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 dirujukkan kepada Jawatankuasa Perbekalan bolehlah dicadangkan tanpa notis:

Dengan syarat bahawa adalah mengikut tatacara mesyuarat bagi Rang Undang-Undang Perbekalan dan Anggaran-Anggaran Pembangunan itu diusulkan, dicadangkan dan disokong secara serentak.

(3) Apabila usul membuat rujukan yang disebutkan dalam perenggan (2) telah dicadangkan dan disokong, perbahasan ke atas usul bagi bacaan kali kedua Rang Undang-Undang itu dan Anggaran-Anggaran Pembangunan bagi tahun yang berkenaan hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu hari genap dan, apabila disambung semula, perbahasan itu hendaklah dibataskan kepada prinsip-prinsip am tentang dasar-dasar dan pentadbiran Kerajaan yang berhubung dengan Rang Undang-Undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan termasuk perkara-perkara yang berhubung dengan pelaksanaan projek-projek Persekutuan di dalam Negeri. Speaker hendaklah mengemukakan bilangan hari yang maksimum bagi sambungan perbahasan atas bacaan kali kedua Rang Undang-Undang itu dan usul berhubung dengan Anggaran-Anggaran Pembangunan itu dan hendaklah mengemukakan tidak kurang daripada satu hari bagi jawapan-jawapan daripada Menteri-Menteri. Pada masa yang ditentukan pada hari penghabisan yang diuntukkan bagi perbahasan itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Speaker, Speaker hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa jua persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan yang berhubung dengannya.

(4) Setelah Rang Undang-Undang Perbekalan itu dibaca bagi kali kedua dan usul mengenai Anggaran-Anggaran Pembangunan dipersetujui, Rang Undang-Undang dan ketetapan itu akan terserah kepada Jawatankuasa Perbekalan yang mana Anggaran-anggaran Biasa dan Pembangunan hendaklah dirujukkan kepadanya kemudian kelak. Pertimbang-telitian oleh Jawatankuasa hendaklah diadakan secara terbuka.

(5) Setiap ahli yang hendak membangkitkan apa-apa perkara atau mencadangkan dipertimbangkan semula apa-apa perkara oleh Kerajaan semasa perjalanan mesyuarat di dalam Jawatankuasa Perbekalan hendaklah memberi notis bertulis kepada Setiausaha

tentang perkara itu dan tentang kepala, pecahan kepala dan butiran atau butiran-butiran yang ada kaitan dengannya, dengan sebegitu terperinci untuk membolehkan Speaker melaksanakan tugas-tugas yang ditugaskan kepadanya mengikut Peraturan Mesyuarat ini. Setiap notis itu hendaklah diberikan sebelum penyambungan semula perbahasan semasa bacaan kali kedua Rang Undang-Undang Perbekalan itu dan usul Anggaran-Anggaran Pembangunan. Notis itu boleh juga termasuk notis membuat pindaan kepada kepala, pecahan kepala atau butiran yang berkenaan. Notis tentang sesuatu pindaan kepada kepala, pecahan kepala atau butiran yang telahpun ditetapkan untuk perbincangan hendaklah diberikan tidak kurang daripada satu hari sebelum yang Anggaran-Anggaran Biasa dan Pembangunan itu hendak dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Dengan syarat bahawa Jawatankuasa Pembekalan tidak boleh membincangkan anggaran sehingga selepas luput 1 hari genap selepas pembentangan Rang Undang-Undang Pembekalan Tambahan dan Usul Pembangunan Anggaran.

(6) (a) Speaker hendaklah menguntukkan bilangan hari yang maksimum bagi perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan dan kedua-dua Anggaran Biasa dan Pembangunan dalam Jawatankuasa dan hendaklah menguntukkan masa maksimum diberikan bagi hari-hari tersebut bagi membincangkan jadual dan fasal-fasal Rang Undang-Undang, dan setiap kepala, pecahan kepala dan butiran yang berkenaan dengannya notis telah diberikan di bawah perenggan (5), atau yang berkenaan dengannya Menteri telah menyatakan bahawa dia bercadang mengusulkan suatu pindaan. Speaker hendaklah juga menentukan susunan perkara-perkara yang hendak dibincangkan sepanjang hari yang diuntukkan itu, yang mana susunan itu mungkin berbeda dengan susunan kepala, pecahan kepala atau butiran yang dimaksudkan seperti yang ditetapkan dalam Anggaran-Anggaran itu.

(b) Jika Speaker tidak menguntukkan masa bagi semua atau mana-mana daripada jadual atau fasal atau kepala itu, maka Pengerusi bolehlah menguntukkan masa yang maksimum.

(7) Pada bila-bila masa jua semasa perjalanan mesyuarat tentang Rang Undang-Undang Perbekalan hendak ditamatkan di bawah Peraturan Mesyuarat ini, tiada usul boleh dicadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 34(5) mengenai perjalanan mesyuarat itu dan perjalanan mesyuarat itu tidaklah boleh diganggu atau ditunda di bawah mana-mana Peraturan Mesyuarat.

(8) Jika masa yang diuntukkan bagi apa-apa jadual, fasal atau kepala telah habis sebelum tamatnya perbincangan ke atas jadual, fasal atau kepala itu, maka Pengerusi boleh mengemukakan dengan serta-merta apa-apa persoalan yang dikehendaki bagi menamatkan perbincangan ke atas jadual, fasal atau kepala itu:

Dengan syarat bahawa Pengerusi boleh, menurut budi bicaranya, melanjutkan masa yang diuntukkan bagi sesuatu jadual atau fasal atau kepala yang tertentu, tetapi tidaklah pula menyebabkan perbincangan dalam Jawatankuasa itu melebihi bilangan hari maksimum yang telah diuntukkan atau masa yang telah diuntukkan bagi mana-mana jadual atau fasal atau kepala berikutnya berkurangan disebabkan perlanjutan itu.

(9) Jadual-jadual dalam Rang Undang-Undang itu hendaklah diselesaikan dahulu sebelum fasal-fasal.

Prosedur  
dalam  
Jawatan-  
kuasa  
Perbekalan.

66. (1) Pertimbangan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan dalam Jawatankuasa Perbekalan hendaklah ditangguhkan sehingga selesainya pertimbangan ke atas Anggaran-Anggaran Biasa tetapi sebelum pertimbangan ke atas Anggaran-Anggaran Pembangunan.

(2) Tiada perkara boleh dibangkitkan dan juga tiada perkara boleh dicadang dipertimbangkan semula oleh Kerajaan dalam Jawatankuasa Perbekalan ke atas Anggaran Biasa atau Anggaran Pembangunan kecuali selepas diberikan notis sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 65(5):

Dengan syarat bahawa Speaker atau Pengerusi, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menurut budi bicaranya membenarkan perkara itu dipertimbangkan tanpa notis, dan berkuasa untuk membuat apa-apa perubahan yang perlu berbangkit daripada penguntukan masa yang dibuat oleh Speaker di bawah Peraturan Mesyuarat 65(6) berkenaan dengan apa-apa perkara lain.

(3) Tiada pindaan yang mencadangkan apa-apa pertambahan pada amaun sesuatu kepala, pecahan kepala atau butiran boleh dicadangkan dalam Jawatankuasa Perbekalan di bawah Peraturan Mesyuarat ini kecuali oleh Menteri.

(4) Setiap kepala, pecahan kepala atau butiran yang berhubungan dengan perkara-perkara yang notis mengenainya telah diberikan di bawah Peraturan Mesyuarat 65(5), dan setiap pindaan yang notis mengenainya telah diberikan di bawah perenggan yang sama, boleh dimasukkan ke dalam Aturan Urusan Mesyuarat mengikut susunan

yang diputuskan oleh Speaker. Pengerusi hendaklah memanggil setiap satu kepala, pecahan kepala atau butiran itu bergilir-gilir, lalu perbincangan ke atas perkara yang berkaitan dengannya itu hendaklah dijalankan dan hendaklah dibataskan kepada dasar perkhidmatan yang mana wang hendak diperuntukkan baginya dan bukan membicarakan butir-butir perbelanjaan, tetapi boleh merujuk kepada butir-butir hasil dari wang yang mana perkhidmatan itu bertanggungjawab baginya. Sesuatu pindaan kepada mana-mana kepala, pecahan kepala atau butiran itu boleh dicadangkan tanpa notis semasa berlangsungnya perbincangan tetapi seseorang ahli yang telah memberikan notis tentang pindaan itu hendaklah diberi keutamaan daripada mana-mana ahli lain. Jika notis telah diberikan tentang lebih daripada satu pindaan kepada kepala, pecahan kepala atau butiran yang sama, maka pindaan meminta pertambahan jumlah wang hendaklah diberi keutamaan daripada pindaan meminta pengurangannya, dan pindaan meminta dikurangkan dengan amaun yang lebih besar lagi hendaklah diberi keutamaan daripada pindaan meminta dikurangkan dengan amaun yang lebih kecil.

(5) Hanya tiga bentuk pindaan yang berikut ini sahaja yang boleh diterima dalam Jawatankuasa Perbekalan bila membincangkan Anggaran: -

- (a) *"Bahawa kepala ..... ditambah sebanyak RM ..... [berkenaan dengan pecahan kepala .....] [butiran .....]"*,
- (b) *"Bahawa kepala ..... dikurangkan sebanyak RM ..... [berkenaan dengan pecahan kepala .....] [butiran ..... ]"*,
- (c) *"Bahawa pecahan kepala ..... [butiran .....] dipotong daripada kepala ....."*

(6) Apabila tidak ada lagi ahli yang ingin berucap, atau apabila tamat masa yang diuntukkan bagi perbincangan, ke atas setiap satu perkara yang dipertimbangkan di bawah Peraturan Mesyuarat ini, Pengerusi hendaklah mengemukakan persoalan mengenai apa-apa pindaan yang telah dicadangkan kepada kepala, pecahan kepala atau butiran yang dimaksudkan dengan perkara itu dan yang belum lagi selesai. Setelah persoalan itu diputuskan, atau jika tiada pindaan diberi pertimbangan

ketika itu, maka dia hendaklah mengisytiharkan perbahasan itu tamat, dan hendaklah memanggil kepala, pecahan kepala atau butiran lain yang terserahlah mengikut Aturan Urusan Mesyuarat.

(7) Perbahasan ke atas setiap perkara yang dipertimbangkan dan ke atas setiap pindaan hendaklah dibataskan kepada kepala, pecahan kepala atau butiran yang bersabit dengan perkara atau pindaan itu sahaja.

(8) Apabila tamat perjalanan mesyuarat ke atas perkara terakhir yang ditetapkan bagi perbincangan pada hari terakhir yang diuntukkan di bawah perenggan (2) atau di bawah Peraturan Mesyuarat 65(6), mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengerusi hendaklah mengemukakan, berkenaan dengan setiap satu kepala Anggaran yang mana pindaan telah dibuat kepadanya, persoalan "*Bahawa amaun bagi kepala ..... seperti yang telah dipinda, diluluskan*". Dia hendaklah kemudiannya pula mengemukakan, berkenaan dengan kesemua kepala yang mana tiada pindaan telah dibuat kepadanya, persoalan tunggal "*Bahawa amaun-amaun bagi kepala-kepala yang selainnya, sebagaimana yang dinyatakan dalam Anggaran, sekarang ini diluluskan*". Setiap persoalan di bawah perenggan ini hendaklah dikemukakan segera dan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(9) Apabila tamat perjalanan mesyuarat di bawah perenggan (8), Jawatankuasa hendaklah segera meneruskan tindakan untuk memberi pertimbangan kepada jadual-jadual dan fasal-fasal kepada Rang Undang-Undang Perbekalan itu.

(10) Tiada pindaan boleh dicadangkan kepada mana-mana fasal atau jadual melainkan jika dibuat berbangkit daripada pindaan kepada amaun mana-mana kepala atau kepala-kepala semasa berlangsungnya pertimbangan Anggaran. Apa-apa pindaan yang berbangkit itu hendaklah dicadangkan oleh Menteri sahaja dan boleh dicadangkan tanpa notis. Apabila persoalan tentang mana-mana daripada pindaan-pindaan yang terakhir kepada fasal atau jadual itu telah diputuskan, Pengerusi hendaklah segera mengemukakan persoalan "*Bahawa fasal [atau jadual] itu, seperti yang telah dipinda, menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang*". Jika tiada pindaan dibuat kepada fasal atau jadual, maka Pengerusi hendaklah segera mengemukakan persoalan "*Bahawa fasal [atau jadual] itu menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang*". Setiap persoalan yang dikemukakan di bawah perenggan ini hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(11) Apabila persoalan ke atas setiap fasal dan jadual dalam Rang Undang-Undang telah diputuskan, Pengerusi hendaklah berhenti menjadi Pengerusi tanpa mengemukakan apa-apa persoalan, dan hendaklah memaklumkan Rang Undang-Undang itu, atau Rang Undang-Undang seperti yang telah dipinda itu, kepada Dewan.

(12) Sebaik sahaja selepas Jawatankuasa Perbekalan telah membincangkan Anggaran-Anggaran Biasa dan Rang Undang-Undang Perbekalan, dan sebelum Pengerusi berhenti menjadi Pengerusi untuk memaklumkan Rang Undang-Undang itu kepada Dewan, pertimbangan terhadap usul yang disebut di bawah Peraturan Mesyuarat 65(2) hendaklah dijalankan. Peraturan Mesyuarat 65(5) dan (6) yang berhubungan dengan pemberian notis dan penguntukan masa dalam Jawatankuasa Perbekalan hendaklah terpakai bagi Anggaran-Anggaran Pembangunan.

(13) Setelah usul yang disebut di bawah Peraturan Mesyuarat 65(2) yang berhubung dengan Anggaran-Anggaran Pembangunan bagi tahun yang berkenaan dipertimbangkan dalam Jawatankuasa, Pengerusi hendaklah, sebaliknya, memanggil setiap satu kepala, pecahan kepala atau butiran Anggaran-Anggaran Pembangunan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang mana notis telah diberikan lalu perbahasan ke atas perkara yang berkaitan dengannya itu hendaklah dijalankan. Jika notis telah diberi tentang pindaan-pindaan kepada kepala atau kepada mana-mana pecahan kepala atau butiran bagi kepala itu, maka pindaan-pindaan itu hendaklah diselesaikan mengikut perenggan (14) dan (15).

(14) Pindaan-pindaan, yang mana notis mengikut perenggan (12) telah diberikan, boleh dicadangkan kepada kepala untuk meninggalkan atau mengurangkan mana-mana pecahan kepala atau butiran bagi kepala itu.

(15) Apabila beberapa pindaan dicadangkan berkenaan dengan kepala, pecahan kepala atau butiran yang sama, pindaan yang meminta pengurangan kepada jumlah wang yang terkecil hendaklah dicadangkan mula sekali, dan pindaan untuk meninggalkan pecahan kepala atau butiran hanyalah boleh dicadangkan jika kesemua usul untuk pengurangan itu telah diselesaikan.

(16) Jika tiada notis telah diberikan tentang apa-apa pindaan, atau apabila kesemua pindaan telah diselesaikan, Pengerusi hendaklah mengemukakan, berkenaan dengan setiap satu kepala Anggaran-Anggaran yang mana pindaan telah dibuat kepadanya, persoalan "*Bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan dalam Kepala ..... dalam*



*Anggaran-Anggaran Pembangunan bagi tahun ..... diluluskan, tertakluk kepada pengurangan sebanyak .....” dengan menyebutkan pecahan kepala atau butiran (jika ada) yang dimaksudkan dengan pengurangan itu. Kemudiannya dia hendaklah mengemukakan, berkenaan dengan kesemua kepala lain yang mana apa-apa pindaan telah dibuat kepadanya, persoalan tunggal “Bahawa perbelanjaan yang ditunjukkan dalam Kepala-Kepala Anggaran Pembangunan yang selainnya itu bagi tahun ..... diluluskan”. Setiap persoalan di bawah perenggan ini hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.*

(17) Apabila semua persoalan di bawah perenggan (16) telah diselesaikan, Pengerusi hendaklah, tanpa membenarkan pindaan atau perbahasan, mengemukakan kepada Jawatankuasa persoalan tentang ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan atau, jika apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan, hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu dipersetujui, Pengerusi hendaklah memaklumkan segera kepada Dewan sejurus selepas penyata itu dikemukakan kepada Dewan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perbekalan.

(18) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan itu telah dimaklumkan kepada Dewan, satu usul untuk bacaan bagi kali ketiga Rang Undang-Undang itu hendaklah berikutan dengan itu dibuat oleh Menteri. Usul itu tidak perlu disokong, dan hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(19) Selepas Rang Undang-Undang Perbekalan itu telah dibaca bagi kali ketiga, Menteri hendaklah segera mencadangkan ketetapan yang dirujuk dalam Peraturan Mesyuarat 65(2), dipinda mengikut kehendak keadaan, untuk melaksanakan apa-apa pengurangan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dicadangkan tanpa notis dan persoalan mengenainya hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

Prosedur  
membahas  
Rang  
Undang-  
Undang  
Perbekalan  
Tambah dan  
menimbangkan

67. (1) Setiap Rang Undang-Undang Perbekalan yang dibawa ke dalam mesyuarat untuk menampung perbelanjaan Tambahan dan perbelanjaan berlebihan yang disebut dalam Perkara 32 Perlembagaan Negeri Sarawak hendaklah disokong dengan anggaran tambahan bagi setiap satu kepala yang menurutnya kuasa tambahan itu diminta dengan menunjukkan –

Anggaran  
Pembangunan  
Tambahannya.

- (a) kesemua jumlah wang yang telahpun dibenarkan di bawah kepala itu;
- (b) perbelanjaan tambahan yang dikehendaki di bawah mana-mana pecahan kepala;
- (c) amaun wang yang dapat diijamatkan daripada pecahan-pecahan kepala lain di bawah kepala yang sama yang boleh diguna untuk mengurangkan peruntukan tambahan yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan tambahan itu;
- (d) amaun peruntukan tambahan yang diminta bagi kepala itu.

(2) Setiap anggaran tambahan bagi perbelanjaan biasa atau pembangunan hendaklah dibentangkan di atas Meja Mesyuarat sebelum sidang hendak dibentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu.

(3) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu dikemukakan, notis Urusan Mesyuarat untuk memasukkan Rang Undang-Undang itu supaya dibaca bagi kali kedua boleh diberikan segera oleh Menteri yang menyerahkannya, atau Rang Undang-Undang itu boleh diperintahkan supaya segera dibacakan bagi kali kedua.

(4) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu diperintahkan supaya dibaca bagi kali kedua, persoalan mengenainya hendaklah dikemukakan segera dan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan, lalu satu usul, jika ada, untuk mengambil ketetapan mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan menurut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966 hendaklah, tanpa notis, dicadangkan oleh Menteri untuk dirujuk kepada Jawatankuasa Perbekalan.

(5) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan telah dibaca bagi kali kedua dan usul mengenai Anggaran Pembangunan Tambahan telah dipersetujui, Dewan hendaklah bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan untuk menimbangkan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran Tambahan bagi Perbelanjaan Pembangunan dan membuat ketetapan berhubung dengannya itu.

(6) Prosedur yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 65 (5) hingga (9) dan Peraturan Mesyuarat 66(2) hingga (19) hendaklah, dengan pengubahsuaian yang perlu, terpakai bagi mempertimbangkan Anggaran-Anggaran Tambahan bagi Perbelanjaan Biasa dan Pembangunan dan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan kepada ketetapan yang berhubung dengan Anggaran-Anggaran Pembangunan Tambahan.

(7) Apabila semua persoalan mengenai semua kepala perbelanjaan dalam kedua-dua Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dan Anggaran-Anggaran Pembangunan Tambahan telah selesai dan Rang Undang-Undang itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa, Pengerusi hendaklah, tanpa membenarkan pindaan atau perbahasan, mengemukakan kepada Jawatankuasa persoalan tentang ketetapan mengenai Anggaran-Anggaran Pembangunan Tambahan atau, jika apa-apa pengurangan telah dibuat dalam perbelanjaan yang dicadangkan, hendaklah mengemukakan persoalan itu kepada Jawatankuasa tertakluk kepada pengurangan itu. Apabila usul itu dipersetujui, Pengerusi hendaklah memaklumkan segera kepada Dewan sejurus selepas permakluman itu dikemukakan kepada Dewan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

(8) Apabila Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu telah dimaklumkan kepada Dewan, satu usul untuk bacaan bagi kali ketiga Rang Undang-Undang itu hendaklah berikutan dengan itu dibuat oleh Menteri. Usul itu tidak perlu disokong dan hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(9) Selepas Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan itu telah dibaca bagi kali ketiga, Menteri hendaklah segera mencadangkan ketetapan yang disebut dalam perenggan (4), dipinda mengikut kehendak keadaan, untuk melaksanakan apa-apa pengurangan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa. Usul itu boleh dicadangkan tanpa notis dan persoalan mengenainya hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

Perbelanjaan  
masuk  
Akaun.

68. (1) Di bawah Perkara 33(4) Perlembagaan Negeri Sarawak, sesuatu Rang Undang-Undang boleh dikemukakan untuk membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada satu-satu tahun kewangan. Usul untuk bacaan bagi kali kedua Rang Undang-Undang itu hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

(2) Tiada pindaan kepada Rang Undang-Undang seperti itu yang membenarkan perbelanjaan bagi sebahagian daripada satu-satu tahun boleh dicadangkan kecuali oleh Menteri.

(3) Persoalan mengenai apa-apa pindaan seperti itu hendaklah dikemukakan dengan serta-merta bagi diputuskan setelah pindaan itu telah dicadangkan dan disokong, dan persoalan yang menyatakan bahawa sesuatu fasal atau jadual (seperti yang telah dipinda) menjadi sebahagian daripada mana-mana Rang Undang-Undang itu hendaklah diputuskan tanpa perbahasan.

(4) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang seperti itu telah dipersetujui oleh Jawatankuasa yang mana Rang Undang-Undang itu dikemukakan kepadanya, ia hendaklah segera dimaklumkan kepada Dewan dan satu usul untuk bacaan bagi kali ketiga yang tidak perlu disokong hendaklah berikutan dengan itu dibuat oleh Menteri, dan hendaklah diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan.

### JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PILIHAN

Jawatan-kuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan.

69. (1) (a) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Penggal yang dikenali sebagai "*Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan*" yang terdiri daripada Speaker yang hendaklah menjadi Pengerusi dan lima ahli lain yang dinamakan oleh Speaker pada awal setiap satu penggal atau, sekiranya ada kekosongan, dari semasa ke semasa.

(2) (b) Adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan –

- (i) untuk menimbang dan memaklumkan kepada Dewan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang mungkin dirujuk kepada Dewan; dan
- (ii) untuk menamakan Pengerusi dan ahli mana-mana Jawatankuasa Pilihan kedua-duanya dilantik pada asalnya dan sekiranya ada kekosongan, dengan memberi perhatian dalam setiap halnya kepada keanggotaan Dewan.

Jawatan-kuasa Akaun Awam.

70. (1) Maka hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Penggal yang dikenali sebagai "*Jawatankuasa Akaun Awam*" yang dilantik pada awal setiap satu penggal, untuk memeriksa –

- (a) akaun-akaun bagi negeri dan penguntukan jumlah-jumlah wang yang diberi oleh Dewan untuk menampung perbelanjaan awam;
- (b) apa-apa akaun pihak-pihak berkuasa awam dan badan-badan lain yang mengendalikan wang negeri yang dibentangkan dalam Dewan;
- (c) penyata Ketua Audit Negara yang dibentangkan dalam Dewan menurut Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan;
- (d) apa-apa perkaralain yang difikirkan patut oleh Jawatankuasa Akaun Awam atau yang mungkin dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa Akaun Awam itu.

(2) Jawatankuasa Akaun Awam hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi dan tidak kurang daripada enam ahli lain yang dilantik oleh Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan pada awal setiap satu penggal.

(3) Semasa ketiadaan Pengerusi disebabkan keuzuran atau kerana apa-apa jua sebab lain, Jawatankuasa Akaun Awam hendaklah memilih salah seorang daripada mereka untuk bertindak sebagai Pengerusi yang akan mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri itu.

(4) Seseorang ahli tidak boleh dilantik atau dinamakan untuk menganggotai, atau bertindak sebagai Pengerusi atau ahli, Jawatankuasa Akaun Awam semasa dia jadi Menteri.

(5) Jawatankuasa Akaun Awam berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikemukakan suratan, rekod dan membuat laporan dari semasa ke semasa kepada Dewan.

Jawatan-  
kuasa  
Dewan.

71. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Penggal yang dikenali sebagai "*Jawatankuasa Dewan*", terdiri daripada Speaker sebagai Pengerusi dan enam ahli lain yang dinamakan pada awal setiap satu penggal, untuk menimbang dan menasihati Speaker atas segala perkara yang berkaitan dengan kesenangan dan keselesaan serta khidmat-khidmat dan kenikmatan-kenikmatan yang terdapat bagi ahli-ahli Dewan. Jawatankuasa Dewan tidak berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikemukakan dokumen atau suratan, melainkan jika Dewan membuat ketetapan sedemikian.

(2) Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Dewan hendaklah diedarkan kepada semua ahli Dewan.

Jawatan-  
kuasa  
Petisyen  
Awam.

72. Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa Pilihan Penggal yang dikenali sebagai "*Jawatankuasa Petisyen Awam*", terdiri daripada Speaker sebagai Pengerusi dan enam orang ahli lain yang dinamakan pada awal setiap satu penggal, untuk menimbang segala petisyen yang dirujuk kepada di bawah Peraturan Mesyuarat 16, untuk mengelaskan petisyen-petisyen itu, menyediakan cabutannya mengikut apa-apa bentuk atau cara yang ternampak kepadanya paling sesuai untuk disampaikan segala maklumat yang diperlukan berkenaan dengan isi kandungannya dan tandatangan yang terlampir kepadanya dan membuat laporan mengenainya dari semasa ke semasa kepada Dewan.

Jawatan-  
kuasa Hak  
Keistimewaan.

73. (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang dikenali sebagai "*Jawatankuasa Hak Keistimewaan*", terdiri daripada Speaker sebagai Pengerusi dan tujuh ahli lain yang dinamakan pada permulaan setiap satu penggal, untuk menimbang segala perkara yang dirujuk kepadanya berkenaan dengan hak-hak keistimewaan dan kuasa-kuasa Dewan, dan membuat laporan mengenainya dari semasa ke semasa kepada Dewan.

(2) Sekiranya seseorang ahli Jawatankuasa Hak Keistimewaan terlibat dengan apa jua cara dalam sesuatu perkara yang dirujuk kepadanya, maka dia hendaklah digantung daripada Jawatankuasa Hak Keistimewaan itu dengan perintah Speaker, dan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan hendaklah menamakan seorang ahli lain untuk berkhidmat menggantikan tempat ahli itu; tetapi, sebaik sahaja Jawatankuasa Hak Keistimewaan itu membuat laporan mengenai perkara yang berkenaan, ahli yang dinamakan sedemikian hendaklah berhenti menjadi ahli Jawatankuasa Hak Keistimewaan itu dan penggantungan ahli yang asal itu hendaklah tamat.

(3) Perkara-perkara yang berikut hendaklah tetap dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan –

- (a) apa-apa aduan yang mengatakan tentang pelanggaran hak keistimewaan yang dibuat oleh ahli semasa berlangsungnya sidang Dewan, melainkan jika langkah-langkah diambil segera oleh Speaker atau Dewan, mengikut undang-undang

atau di bawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, untuk menguruskan pelanggaran hak keistimewaan yang dikatakan itu;

- (b) apa-apa aduan seperti itu yang dibuat oleh seseorang ahli kepada Speaker semasa Dewan tidak bersidang; dan
- (c) apa-apa usul yang mana notis mengenai telah diberikan yang mengatakan pelanggaran hak keistimewaan atau yang, pada pendapat Speaker, menyentuh kuasa-kuasa dan hak-hak keistimewaan Dewan. Notis itu tidaklah boleh dibenar dicadangkan dalam Dewan sehinggalah Jawatankuasa Hak Keistimewaan telah membuat laporannya mengenai perkara itu:

Dengan syarat bahawa tiada perkara boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan di bawah subperenggan (a) atau (b), melainkan jika Speaker berpuas hati bahawa perkara yang diadakan itu menyentuh hak keistimewaan Dewan dan telah dibangkitkan sebaik sahaja ada peluang.

(4) Sebaik sahaja laporan Jawatankuasa Hak Keistimewaan dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan diedarkan kepada ahli-ahli, seorang Menteri boleh memberi notis usul menyatakan pendapat Dewan berkenaan dengan laporan itu, dan apa-apa usul seperti itu hendaklah, pada hari notis itu diberikan, mengambil keutamaan daripada segala urusan awam selain perjalanan mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 65 hingga 68 termasuk kedua-duanya sekali.

(5) Jawatankuasa Hak Keistimewaan berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya dan meminta dikemukakan surat dan dokumen serta membuat laporan dari semasa ke semasa.

(6) Korum untuk mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Hak Keistimewaan hendaklah empat orang, termasuk Pengerusi.

Jawatan-  
kuasa Pilihan  
Khas.

74. (1) Dewan boleh, pada bila-bila masa atas usul yang dibuat selepas notis diberikan (kecuali apa yang diperuntukkan dalam Peraturan Mesyuarat 51 (Penyerahan Rang Undang-Undang kepada Jawatankuasa)), melantik sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas bagi menimbangkan Rang Undang-Undang atau perkara yang mungkin

dirujukkan oleh Dewan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas, dan Jawatankuasa Pilihan Khas itu hendaklah membuat laporan mengenainya kepada Dewan.

(2) Setiap Jawatankuasa Pilihan Khas itu hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada lima orang ahli. Jika mana-mana ahli Jawatankuasa Pilihan Khas itu tidak lagi menjadi ahli Dewan atau tidak dapat kerana apa-apa jua sebab bertindak sebagai ahli Jawatankuasa Pilihan Khas, maka Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan boleh melantik seorang ahli lain untuk menggantikan tempat ahli itu.

(3) Tertakluk kepada perintah Dewan, sesebuah Jawatankuasa Pilihan Khas berkuasa memilih Pengerusinya sendiri dan Pengerusi itu hendaklah memegang jawatan hanya pada hari dia dipilih itu sahaja.

Prosedur dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan.

75. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Peraturan Mesyuarat 69 hingga 74, Peraturan Mesyuarat ini hendaklah terpakai bagi semua Jawatankuasa Pilihan.

(2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkuasa memanggil orang hadir di hadapannya atau meminta dikemukakan dokumen atau kertas-kertas, dan boleh mengeluarkan laporan kepada Dewan mengandungi buah fikiran dan pemerhatiannya berserta dengan butir-butir keterangan yang telah diberi di hadapannya.

(3) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan, tiga orang ahli termasuk Pengerusi hendaklah menjadi kuorum.

(4) Pertimbang-telitian Jawatankuasa Pilihan hendaklah dibataskan kepada perkara yang dirujukkan oleh Dewan kepadanya dan juga kepada apa-apa pertambahan atau pengehadannya yang dibuat oleh Dewan, dan, berkenaan dengan Jawatankuasa Pilihan yang menimbang Rang Undang-Undang pula, kepada Rang Undang-Undang yang dikemukakan kepadanya dan pindaan-pindaan yang berkaitan dengan Rang Undang-Undang itu.

(5) Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pilihan hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi. Mesyuarat-mesyuarat yang berikutnya hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pilihan itu:



Dengan syarat bahawa jika Jawatankuasa Pilihan itu tidak berbuat sedemikian, maka Pengerusi hendaklah menetapkan masa dan tempat mesyuarat setelah berunding dengan Setiausaha.

(6) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan tidak boleh mengadakan mesyuarat semasa Dewan sedang bersidang, kecuali dengan mendapat izin daripada Speaker.

(7) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan boleh terus bersidang walaupun Dewan mungkin ditangguhkan dan ia tidak boleh dibubarkan sehinggalah laporannya dibentangkan dalam Dewan atau sehinggalah Dewan diprorogkan atau dibubarkan.

(8) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan boleh meneruskan penyiastannya walaupun Dewan mungkin ditangguhkan dan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Mesyuarat dan Pemilihan boleh, dalam hal kematian atau ketidakhadiran seseorang ahli yang tidak dapat dielakkan, menamakan seorang ahli lain untuk menggantikan ahli dalam Jawatankuasa Pilihan itu. Setiap penamaan di bawah Peraturan Mesyuarat ini hendaklah dimaklumkan kepada Dewan dalam mesyuaratnya yang akan datang.

(9) Setiausaha kepada Dewan hendaklah menjadi Setiausaha kepada setiap Jawatankuasa Pilihan.

(10) Apabila dicadang hendak memeriksa mana-mana saksi, ahli Dewan atau, dalam hal Jawatankuasa Pilihan yang membincangkan Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa atau Campuran, pempetisyen yang hendakkan saksi-saksi itu hendaklah menghantar kepada Setiausaha satu senarai mengandungi nama, alamat dan pekerjaan setiap saksi itu sekurang-kurangnya dua hari sebelum hari yang ditetapkan hendak memeriksa saksi-saksi itu. Setiausaha hendaklah kemudiannya memanggil saksi-saksi itu bagi pihak Dewan:

Dengan syarat bahawa kecuali dalam hal saksi-saksi yang dikehendaki diperiksa oleh Jawatankuasa Pilihan yang membincangkan sesuatu Rang Undang-Undang, dan dikehendaki sebegini oleh ahli yang ditugaskan dengan Rang Undang-Undang itu atau pempetisyen, Setiausaha tidaklah perlu memanggil saksi melainkan jika Pengerusi, bagi pihak Jawatankuasa Pilihan, telah membuat suatu perintah (yang akan diserahkan kepada Setiausaha sekurang-kurangnya empat hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pemeriksaan itu) memanggil saksi itu.

(11) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pengerusi, keterangan setiap saksi itu hendaklah dituliskan kata demi kata dan dihantar kepada saksi itu untuk semakannya. Saksi itu bebas, dalam tempoh tujuh hari dari hari Setiausaha menghantar keterangan itu, mengesyorkan supaya diperbetulkan apa-apa yang tidak tepat dan keterangan ini hendaklah dicetak dengan apa-apa pindaan yang diluluskan oleh Pengerusi.

(12) Jawatankuasa Pilihan itu boleh, menurut budi bicaranya, enggan mendengar apa-apa keterangan yang tidak berkaitan atau mendengar cakap mana-mana saksi yang keras kepala.

(13) (a) Mana-mana ahli Jawatankuasa Pilihan boleh membawa satu penyata bagi pertimbangannya, dan semua penyata itu hendaklah dicatatkan sepenuhnya dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Pilihan itu. Apabila semua penyata itu telah dibawa ke hadapan Jawatankuasa Pilihan itu, Pengerusi hendaklah mencadangkan penyata-penyata itu mengikut susunannya yang dimulakan dengan penyatanya sendiri dan diteruskan dengan penyata-penyata selainnya mengikut susunan penyata-penyata itu dibawa ke hadapan Jawatankuasa Pilihan itu sehinggalah satu daripadanya diterima sebagai asas perbincangan. Persoalan yang akan dikemukakan oleh Pengerusi atas penyata itu ialah "*Bahawa penyata Pengerusi (atau Tuan.....) dibaca bagi kali kedua ikut perenggan demi perenggan*". Apabila persoalan itu telah dipersetujui, tidak boleh dikemukakan persoalan atas apa-apa penyata lain, tetapi mana-mana bahagian daripada penyata-penyata yang lain itu boleh ditawarkan sebagai pindaan ke atas penyata yang sedang dibincangkan, jika pindaan itu ada kaitan dengan penyata tersebut.

(b) Selepas itu Jawatankuasa Pilihan hendaklah menimbang penyata itu ikut perenggan demi perenggan, dan Peraturan Mesyuarat 54 (1) hingga (8) dan (10) hendaklah dipakai bagi pertimbangan itu seolah-olah penyata itu merupakan suatu Rang Undang-Undang dan perenggan-perenggan dalam penyata itu seolah-olah merupakan fasal-fasal dalam Rang Undang-Undang.

(c) Apabila selesai dipertimbangkan penyata itu perenggan demi perenggan dan apabila semua perenggan baru yang dicadangkan telah dipertimbangkan, maka Pengerusi hendaklah menentukan persoalan bahawa penyata ini hendaklah menjadi penyata Jawatankuasa Pilihan kepada Dewan.

(14) Peraturan Mesyuarat 31(7) hendaklah dipakai kepada pertimbang-telitian sesuatu Jawatankuasa Pilihan.

Belah-bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan.

76. (1) Setiap belah-bahagian dalam Jawatankuasa Pilihan hendaklah dijalankan oleh Setiausaha Jawatankuasa Pilihan dengan bertanya kepada setiap ahli Jawatankuasa Pilihan itu seorang demi seorang bagaimana dia hendak mengundi dan merekodkan undian mereka dengan sewajarnya. Pengerusi tidak mempunyai undi asal tetapi sekiranya bilangan undi sama banyak, dia hendaklah memberi undi pemutus.

(2) Semasa dijalankan belah-bahagian, nama semua ahli Jawatankuasa Pilihan yang hadir hendaklah dipanggil mengikut susunan abjadnya.

(3) Apabila diminta diadakan belah-bahagian dalam sesuatu Jawatankuasa Pilihan, setiap ahli Jawatankuasa Pilihan yang hadir hendaklah menyatakan sama ada *Ya* atau *Tidak*, kecuali jika dia tegas menyatakan yang dia tidak hendak mengundi. Setiausaha Jawatankuasa Pilihan hendaklah memasukkan undian setiap ahli dalam Minit Perjalanan Mesyuarat dan hendaklah juga menuliskan nama ahli-ahli yang tidak mengundi. Seseorang ahli mestilah mengundi mengikut bagaimana dia mengundi semasa dijalankan undian mengikut suara.

(4) Sebaik sahaja Setiausaha selesai memungut undi, Pengerusi hendaklah mengumumkan bilangan ahli yang mengundi *Ya* dan bilangan ahli yang mengundi *Tidak* dan selepas itu hendaklah mengisytiharkan keputusan belah-bahagian itu.

(5) Jika seseorang ahli Jawatankuasa Pilihan menyatakan dia tersalah mengundi, atau undinya telah tersalah dikira, maka dia boleh menuntut supaya undinya diubah, dengan syarat bahawa permintaan itu dibuat sebaik sahaja selepas Pengerusi mengumumkan bilangan undi-undi itu tetapi sebelum diisytiharkan keputusan belah-bahagian itu.

(6) Peraturan Mesyuarat 43(5) hendaklah dipakai kepada belah-bahagian dalam sesuatu Jawatankuasa Pilihan.

Menyiarkan keterangan sebelum masanya.

77. Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa dokumen yang dikemukakan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh mana-mana ahli Jawatankuasa Pilihan itu, atau oleh mana-mana orang lain, sebelum Jawatankuasa Pilihan itu mengemukakan penyatanya itu kepada Dewan.

Penyata-  
penyata  
daripada  
Jawatan-  
kuasa  
Pilihan.

78. (1) Setiap Jawatankuasa Pilihan hendaklah membuat penyata kepada Dewan mengenai perkara-perkara yang dirujuk kepada Dewan dengan seberapa segera yang mungkin.

(2) Sesebuah Jawatankuasa Pilihan adalah dibenarkan membuat penyata khas yang berhubung dengan kuasa-kuasa, tugas-tugas dan perjalanan-perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan itu atas apa-apa perkara yang difikirkannya patut dibawa kepada perhatian Dewan.

(3) Sesuatu penyata atau penyata khas Jawatankuasa Pilihan berserta dengan minit perjalanan mesyuaratnya dan minit apa-apa keterangan yang diambil di hadapannya hendaklah dibentangkan di Meja Mesyuarat Dewan.

(4) Dalam Minit Perjalanan Mesyuarat sesebuah Jawatankuasa Pilihan hendaklah direkodkan segala perjalanan mesyuarat mengenai pertimbangan ke atas apa-apa penyata atau Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Pilihan itu, dan juga ke atas setiap pindaan yang dicadangkan kepada penyata atau Rang Undang-Undang itu berserta dengan catatan berkenaan dengan apa-apa belah-bahagian yang telah dijalankan dalam Jawatankuasa Pilihan itu, dan nama ahli-ahli yang mengundi dan yang tidak mengundi dalam belah-bahagian itu.

(5) Tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 23, mana-mana ahli boleh mencadangkan dalam Dewan supaya penyata Jawatankuasa Pilihan itu diterima pakai.

(6) Apabila sesuatu Rang Undang-Undang telah dimaklumkan kepada Dewan daripada Jawatankuasa Pilihan, maka penyata Jawatankuasa Pilihan itu hendaklah tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat 57.

## PELBAGAI

Rang  
Undang-  
Undang dan  
pindaan-  
pindaan yang  
melibatkan  
pencukaian,  
perbelanjaan,  
dll.

79. Tiada Rang Undang-Undang atau pindaan yang melibatkan perbelanjaan dari Kumpulan Wang Disatukan boleh dikemukakan dalam Dewan kecuali oleh seorang Menteri dan rujukan kepada Menteri ini tidaklah dalam segala hal yang sedemikian itu termasuk Menteri Muda.

- Peng-  
gantungan  
Peraturan-  
Peraturan  
Mesyuarat.
80. (1) Kecuali dengan persetujuan Speaker, Dewan tidaklah boleh membincangkan apa-apa Rang Undang-Undang, pindaan, usul atau petisyen yang, pada pendapat Speaker, akan menggantungkan Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini atau mana-mana jua daripadanya.
- (2) Sesuatu usul, yang mana tujuan atau kesannya mungkin hendak menggantungkan mana-mana Peraturan Mesyuarat, tidaklah boleh dicadangkan melainkan setelah diberikan notis dua puluh empat jam atau dengan persetujuan Speaker.
- Ketidak-  
hadiran  
Ahli-Ahli.
81. Tanpa menyentuh kuat kuasa Perkara 18(2)(c) Perlembagaan Negeri Sarawak, seseorang ahli hendaklah memberitahu Speaker dengan seberapa segera yang mungkin, melalui Setiausaha, tentang hal tidak dapat menghadiri mana-mana mesyuarat Dewan serta memberikan sebab-sebabnya sekali.
- Penggajian  
Ahli-Ahli  
atas sifat  
Profesional.
82. Tiada ahli boleh hadir di hadapan Dewan, atau di hadapan mana-mana Jawatankuasa Dewan, atas apa-apa sifat yang mana dia akan menerima bayaran atau upah.
- Orang-orang  
Luar.
83. (1) Orang-orang luar adalah dibenarkan hadir menyaksikan mesyuarat dalam Dewan mengikut apa-apa peraturan yang dibuat oleh Speaker dari semasa ke semasa bagi tujuan tersebut.
- (2) Mana-mana ahli boleh, tanpa notis pada bila-bila masa bangun dan mencadangkan "*Bahawa orang-orang luar hendaklah keluar*" dan, jika usul itu disokong, Pengerusi hendaklah segera mengemukakan persoalan itu tanpa pindaan atau perbahasan.
- (3) Pengerusi boleh, pada bila-bila masa yang difikirkannya patut, memerintahkan orang-orang luar keluar dari dalam Dewan itu sama sekali atau daripada mana-mana bahagian dalam Dewan.
- (4) Bentara Mesyuarat hendaklah menahan mana-mana orang luar yang masuk tanpa kebenaran yang dilihatnya, atau yang mungkin diberitahu kepadanya, berada dalam mana-mana bahagian dalam Dewan atau tempat pemerhati, dan juga mana-mana orang luar yang telah dibenarkan masuk tetapi berkelakuan tidak baik, atau yang enggan keluar apabila diperintahkan keluar semasa Dewan atau mana-mana Jawatankuasa seluruh Dewan sedang bersidang.

Pihak akhbar. 84. Speaker boleh memberi kebenaran secara umum kepada wakil mana-mana akhbar untuk menghadiri sidang Dewan mengikut apa-apa peraturan yang dibuatnya dari semasa ke semasa bagi tujuan itu. Jika wakil itu melanggar peraturan-peraturan itu, maka kebenaran itu boleh ditarik balik.

Perbelanjaan bagi saksi-saksi. 85. Jumlahnya wang yang hendak dibayar atau ditawarkan sebagai perbelanjaan kepada mana-mana orang yang dipanggil hadir atau dipanggil mengemukakan apa-apa dokumen hendaklah sebanyak yang kena dibayar kepada orang itu sekiranya dia dipanggil jadi saksi di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa di bawah undang-undang yang berhubung dengan prosedur jenayah:

Dengan syarat bahawa pada memakai aturan-aturan itu, apa-apa sebutan di dalamnya kepada Mahkamah atau Pendaftar Mahkamah Tinggi hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada Speaker atau Setiausaha, mengikut kehendak keadaan.

Putusan pendapat Speaker. 86. Keputusan Speaker berkenaan dengan apa-apa perkara mengenai pentafsiran bagi mana-mana daripada Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, atau berkenaan dengan apa-apa perkara amalan adalah, tertakluk kepada usul substantif bagi tujuan itu, muktamad, dan Speaker boleh dari semasa ke semasa mengeluarkan putusan pendapat berkenaan dengan perkara-perkara ini.

Kegagalan mematuhi Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini tidak membatalkan perjalanan mesyuarat atau keputusan. 87. Jika semasa membuat apa-apa keputusan terdapat kegagalan atau peninggalan di pihak Dewan atau mana-mana Jawatankuasanya untuk mematuhi Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini dalam mana-mana perjalanan mesyuarat yang membawa kepada keputusan dibuat, maka kegagalan atau peninggalan itu tidaklah boleh membatalkan atau mentaksahkan perjalanan mesyuarat itu atau keputusan yang dibuat hasil dari perjalanan mesyuarat itu, melainkan jika Dewan atau Jawatankuasa itu memutuskan sebaliknya.

Pencetak-pencetak yang dibenarkan.

88. Speaker boleh membenarkan dan mengarahkan Pencetak Kerajaan, atau pencetak lain yang diluluskan olehnya, -

- (a) untuk mencetak atau mencetak semula naskhah Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, termasuk segala pindaan atau semakan yang berkuat kuasa pada tarikh membenaran itu; dan
- (b) mencetak atau mencetak semula mana-mana laporan, kertas, minit, buku undian atau prosiding Dewan, termasuk segala pindaan atau pembetulan yang berkuat kuasa pada tarikh membenaran itu,

dan mana-mana naskhah yang dicetak atau dicetak semula itu hendaklah bagi segala maksud disifatkan sebagai naskhah atau rekod yang benar dan betul yang berupa telah dicetak oleh Pencetak Kerajaan atau pencetak lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa-kuasa bakian.

89. Semua perkara yang tidak diperuntukkan dengan khususnya dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini dan semua persoalan yang berhubung dengan perjalanan secara terperinci Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini hendaklah dikawal selia mengikut apa-apa cara, yang tidak berlawanan dengan Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, sebagaimana yang diarahkan oleh Speaker dari semasa ke semasa, dan semasa memberi apa-apa arahan seperti itu Speaker hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara lazim tentang amalan Parlimen Komanwel setakat mana perkara-perkara lazim itu boleh dipakai bagi perjalanan mesyuarat Dewan.

Tafsiran.

90. Dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

Bab 65

“Bentara Mesyuarat” mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Ordinan Dewan Undangan Negeri (Hak Keistimewaan dan Kuasa), 2007;

“cetak” termasuklah mencetak ulang dengan cara cetakan-rota atau saiklostail, atau dengan cara mengguna mesin taip atau komputer;

“Jawatankuasa Pilihan” termasuklah “Jawatankuasa Pilihan Khas”;

“Menteri” termasuklah Menteri Muda;

“mesyuarat” ertinya apa-apa sidangan atau sidangan-sidangan Dewan yang bermula dari masa Dewan bermesyuarat pertama kalinya selepas dipanggil bermesyuarat pada bila-bila masa jua dan berhenti apabila Dewan ditangguhkan dengan tidak ditentukan hari mesyuarat akan datang, atau setelah tamatnya sesuatu penggal;

“Pengerusi” ertinya mana-mana orang yang mempengerusikan atau menjadi Pengerusi dalam Dewan atau dalam Jawatankuasa seluruh Dewan atau dalam Jawatankuasa Bekalan;

“penggal” ertinya sidangan-sidangan Dewan yang bermula dari masa ia mula-mula sekali bermesyuarat selepas pemprorogasian atau pembubarannya dan tamat apabila Dewan diprorogkan atau dibubarkan tanpa perlu diprorogkan terlebih dahulu.

“Setiausaha” ertinya mana-mana orang yang dilantik menjadi Setiausaha Dewan Undangan Negeri dan termasuklah mana-mana Timbalan Setiausaha yang dilantik sedemikian oleh Yang di-Pertua Negeri di bawah Perkara 22A(1) Perlembagaan Negeri Sarawak dan juga mana-mana orang yang dilantik oleh Speaker untuk menunaikan buat sementara waktu mana-mana daripada tugas-tugas yang diberikan oleh Peraturan-Peraturan Mesyuarat ini kepada Setiausaha;

“sidangan” ertinya satu tempoh yang selamanya Dewan bersidang dengan tidak berhenti-henti tanpa penangguhan, dan termasuklah apa-apa jua tempoh yang Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa;

“Speaker” termasuklah Timbalan Speaker atau mana-mana orang yang mempengerusikan Dewan atau Jawatankuasanya.

Usul diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 15 haribulan November, 2011.



## INDEKS

*(Angka-angka di dalam indeks menunjukkan bilangan Peraturan Mesyuarat)*

### Ahli-Ahli

Apabila tidak dapat hadir, 81  
Kedatangan dimasukkan dalam Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 6(6)  
Kelakuannya dalam Mesyuarat, 37  
Ditegur oleh Pengerusi, 38  
Kelakuan tiada senonoh, 40  
Memakai orang sebagai profesional, 82  
Menengok rekod-rekod dan surat-surat yang dibentangkan dalam Dewan, 6(7)  
Disebutkan nama oleh Pengerusi, 40(2)(3)(4)(5)  
Mangkat sumpah 1(1), 3(2)(3)  
Diberikan kepada ahli-ahli, 7(2)  
Penerangan sendiri, 22  
Kepentingan kewangan diri, 31(7), 43(5), 46(4)(a)  
Mengeluarkan rayuan, tanggungannya 16(1)(a), 16(2)(e)  
Kerusi, menguntukkan bagi ahli-ahli, 2  
Digantung daripada, 40  
Salinan ucapan boleh dibetulkan, 7(3)(4)  
Mengundi dalam belah-bahagian, Undian dan Perjalanan Mesyuarat hendaklah direkod, 6(6)

### Anggaran Pembangunan

Tahunan—64; 65; 66

Dipertimbangkan dalam Jawatankuasa kepala, 66(4);  
Menguntukkan masa, 65(6); Pengerusi mengemukakan satu kepala, 66(13);  
pindaan-pindaan kepada kepala, 66(14)(15),  
Penyata, 66(17), ketetapan yang dirujuk, 66(19)  
Ketetapan, merujuk kepada Jawatankuasa Perbekalan, 65(4);  
Skop perbincangan, 65(3); menguntukkan masa untuk merujuk usul, 65(2)(6)  
Laporan di Meja Mesyuarat, 64

Tambahan—

Dipertimbangkan dalam Jawatankuasa kepala, 67(5);  
Menguntukkan masa, 67(3); Ketetapan dalam Peraturan Mesyuarat. 65; 66,  
terpakai, 67(6)  
Ketetapan, merujuk kepada Jawatankuasa Perbekalan, 67(5)

Skop perbahasan, 67(4) menguntukkan masa untuk merujuk usul, 67(3)(4)  
Laporan di Meja Mesyuarat, 67(2)

## **Anggaran Pembangunan Tahunan, lihat Anggaran Pembangunan, Tahunan**

### **Anggaran Tahunan**

Butir-butir tentang keperluan kewangan, 65(1)  
Merujuk kepada Jawatankuasa Perbekalan, 65(4)  
Tambahan, 67(1) —  
    Pemberitahu, 67(3)  
    Perkara-perkara menunjukkan, 67(1)(a)-(d)  
    Dibentangkan di Meja Mesyuarat sebelum mesyuarat, 67(2)  
Dibentangkan di Meja Mesyuarat, 64

### **Aturan Urusan Mesyuarat**

Menghantar kepada setiap ahli, 6(4)

### **Bahasa Rasmi, 5**

### **Belah bahagian**

Undi Pemutus, 43(3)  
Kesilapan undi, 43(4)  
Dalam Jawatankuasa Pilihan, 76  
Tidak sah jika tidak kuorum, 10(5)  
Penghitung undi, melantik penghitung undi, 42(4)  
Cara menjalankannya, 43(1)(2)(3)  
Dimasukkan dalam Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 6(6); 43(1)  
Suara, bersetujui, 43(2)

### **Bentara Mesyuarat**

Kewajipannya, 40(2), 83(4)

### **Buku Mesyuarat**

Hal-hal yang hendak dimasukkan di dalamnya, 6(3)

## **Jawatankuasa Akaun Awam** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Melantiknya, 70(1)  
Ahli-ahlinya, 70(2)  
Kewajipannya, 70(1)  
Menteri tidak dilantik atau dipilih, 70(4)  
Kuasanya, 70(5)

## **Jawatankuasa Dewan** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Ahli-ahlinya, 71(1)  
Fungsinya, 71(1)  
Diagihkannya, 71(2)

## **Jawatankuasa Hak Keistimewaan** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Ahli-ahlinya, 73(1)  
Kewajipannya, 73(1)  
Kuasanya, 73(5)  
Prosedur, 73

## **Jawatankuasa Pemilih** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Melantiknya, 69(1)  
Keanggotaan, 69(1)

## **Jawatankuasa Petisyen Awam**

Ahli-ahlinya, 72  
Kewajipannya, 72

## **Jawatankuasa Perbekalan**

Pengerusi, 4(1)  
*Lihat juga di bawah* Rang Undang-Undang Perbekalan

## **Jawatankuasa seluruh Dewan**

Pengerusinya, 4(1)  
Cukup bilang, 10(1)(4)  
Penyata Rasmi Mesyuarat, 7(1)

Waktu diberhentikan perjalanan mesyuarat, 10(2)  
Lihat juga di bawah Rang Undang-Undang

## **Jawatankuasa Pilihan**

Skop pertimbang-telitian, 75(4)

Belah-bahagian, 76

Keterangan yang dikeluarkan kepadanya —

Yang tidak berkaitan, boleh enggan mendengar, 75(12)

Menyiarkannya, 77

Menghantar kepada saksi, 75(11), 78

Soal selidik —

Semasa menanguhkan Dewan, 75(8)

Tidak siap pada persidangan tamat, 78(1)

Kebenaran memaklumkan fikiran dan percakapan, 78(2)

Kebenaran memaklumkan butir-butir keterangan, 78(3)

Kebenaran hendak mengeluarkan penyata khas, 78(2)

Ahli-ahlinya —

Memilihnya, 74(1)

Melantiknya, 74(2), 75(8)

Kepentingan Kewangan diri, 75(14), 76(6)

Peringatan Perjalanan Mesyuarat, halnya hendaklah dituliskan, 78(4)

Peraturan yang dipakaikan kepada semua, Jawatankuasa Pilihan,

kecuali jika ada syarat lain dalam Peraturan Mesyuarat, 69-70, 75

Kuasa untuk memanggil orang hadir dihadapannya dan meminta dikemukakan dokumen, 75(2)

Perjalanan mesyuarat tidak boleh doisebut dalam pertanyaan, 20(1)(e)

Cukupbilang, 75(3)

Mesyuarat-mesyuaratnya —

Masa dan tempatnya, 75(5)

Bila masa bersidang, 75(6)

Penyatanya —

Menimbangkan, 75(13)

Dibentang di atas Meja Majlis, 78(3)

Membawa ke dalam mesyuarat, 78(3)

Penyata Khas, 78(2)

Setiausaha, 75(9)

Saksi —

Yang degil, boleh enggan didengar cakapnya, 75(12)

Memanggilnya, 75(10)

## **Jawatankuasa Pilihan Khas** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Melantiknya, 74(1)  
Pemilihan Pengerusi, 74(3)

## **Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan

Pindaan kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat, aturannya, 69(2)  
Melantiknya, 69(1)  
Ahli-ahlinya, 69  
Kewajipannya, 69(2)

## **Jawatankuasa Pilihan Khas** *lihat juga* Jawatankuasa Pilihan Khas

### **Kerusi, Peruntukannya, 2**

### **Keputusan atas Masalah**

Pihak mana yang banyak ahli-ahli mengundi, 41

### **Keputusan Dewan**

Dimasukkan dalam Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 6(5)

### **Kertas-kertas Mesyuarat**

Siapa yang membawa ke dalam mesyuarat, 17(1)  
Menyimpannya, 6(7)  
Disifatkan telah dibawa ke dalam mesyuarat, 17(2)  
Boleh ditengok oleh ahli-ahli, 6(7)  
Diperintahkan dibentang di atas Meja, 17(2)  
Dibawa ke dalam mesyuarat, hendaklah dituliskan dalam Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 17(3)

### **Ketua Menteri**

Masa Dewan dalam tangguhan, boleh meminta diadakan mesyuarat dahulu daripada hari yang ditetapkan, 8(3)  
Menetapkan Urusan Mesyuarat, 8(3)

## **Komanwel**

Kelaziman Dewan, 89

### **Kuorum dalam Jawatankuasa seluruh Dewan, 10**

Jika tidak cukup kuorum, 10(2)(3)

Tidak termasuk Pengerusi, 10(1)

Dalam Belah-bahagian, 10(5)

Aturan membilang ahli-ahli, 10(3)(4)

### **Masalah daripada Pengerusi**

Pindaan kepadanya, 27(4), 29, 54(5) —

    Cara mencadangkan, 29(4)

Keputusan dibuat oleh Pengerusi, 42(3)

Selesai dikemukakan untuk diputuskan—Apabila undi-undi telah dikumpul, 42(2)

    Tidak ada ahli yang bercakap selepas itu, 42(1)

Usul untuk mencadangkan, 29(1)(3)

Mengemukakan, 29(2)(3)

Keputusan oleh suara ramai, 41(1)

### **Mesyuarat**

Mula-mula, selepas Pilihanraya —

    Pemberitahu, 6(1)

Aturan Urusan Mesyuarat, 1(1), 11(1)

Perisytiharan akan dibaca, 1

Penyusunan tempat duduk ahli-ahli, 2

### **Mesyuarat dan Persidangan**

Maknanya, 90

Pemberitahu, 8(2)

Masa dan tempatnya, 8(1)(2)

### **Menangguhkan Dewan menurut Peraturan Mesyuarat**

Usul kerananya —

    Urusan yang ditangguhkan, dimulakan lepas pukul 6.30 petang, 15(4)

Lucut cadangan pada masa diganggu, 15(3)  
Menghadkan beberapa usul dalam satu persidangan, 15(5)  
Masa dan caranya meminta izin mencadangkan, 11(1)(h), 15(1)  
Masanya mencadangkan, 15(3)  
Pemberitahu bersurat berkenaan dengan perkara yang hendak dibincangkan, 15(2)

**Menutup** *lihat* dibawah Perbahasan

**Minit Perjalanan Mesyuarat** *lihat* Undian dan Perjalanan Mesyuarat

**Orang-Orang Luar**

Membenarkan hadir menyaksikan mesyuarat, 83(1)  
Pemberitahu kehadiran kepada Pengerusi, 83(2)(3)  
Bentara mesyuarat menjalankan tugas, 83(4)

**Pemberitahu**

Berkenaan dengan pindaan kepada Rang Undang-Undang, 24(5)  
Berkenaan dengan perkara yang hendak dikeluarkan apabila ditangguhkan mesyuarat, 14(2)  
Berkenaan dengan mesyuarat-mesyuarat dan penggal mesyuarat, 6(1), 8(2)(3)  
Berkenaan dengan usul —  
    Mengubah usul, 25  
    Yang tidak betul atau tidak menutut peraturan, 24(4)  
    Cara mengeluarkannya, 24(1)  
    Perlu, 23(1)  
    Tempohnya, 24(3)  
    Mengecap dan menghantar kepada ahli-ahli, 24(5)  
    Dimasukkan dalam Buku Mesyuarat, 6(3)  
    Tandatangan, 24(2)  
    Melonggarkan syarat mengecap, 23(2)(a)-(r)  
    Menarik balik, 26  
Berkenaan dengan penggal baru, 6(1), 8(1)  
Aturan Urusan Mesyuarat, 6(3), 8(3)  
Pertanyaan kepada Menteri, 19(1)(2) —

**Penangguhan Dewan**

Jika dibangkitkan huru-hara besar, 40(9)

Usul menangguhkan Dewan —

Perkara-perkara yang boleh dikeluarkan, 14(1)

Pemberitahu hendak menangguhkan mesyuarat, 14(2)

Masalah dikemukakan, 14(4)

Menghadkan bilangan ahli yang boleh bercakap dan lamanya dibenarkan tiap-tiap seorang itu boleh bercakap, 14(2)(3)

Masanya mengeluarkan usul, 13(1)

Kerana tidak cukup kuorum, 10(3)

Hingga hari lain, 10(4), 13(3)

Hingga hari esok, 9(2)

Dengan tidak ditentukan hari mesyuarat akan datang, 8(2)

Dengan tidak dikemukakan, 14(4), 15(4)

## **Pengerusi**

Keputusannya muktamad berkenaan dengan peraturan, 39

Makna “Pengerusi”, 4(6)

Kuorum tidak termasuk Pengerusi, 10(1)

## **Penyata-Penyata Rasmi dan Ucapan**

Salinan kepada ahli-ahli, 7(2)

Pembetulan, 7(4)

Penyediaan, 7(1)

Penerbitan, 7(2)(3)

Jawapan secara bertulis ke atas persoalan, 21(2)

## **Peraturan Mesyuarat**

Aturan berkenaan dengan pindaan, 69(2)

Melanggar peraturan, 87

Tafsiran, 90

Menghentikan kuatkuasa, 80(1)

## **Perbahasan**

Menutupnya —

Masalah yang belum diputuskan, 36(2)

Dikehendaki sebilangan ramai ahli yang bersetuju, 36(3)

Masalah atas usul, hendak diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, 36(1); hendaklah dikemukakan dengan serta-merta, 36(1)



Bila masanya boleh dicadangkan ditutup, 36(1)  
 Peraturan — lihat juga Peraturan Mesyuarat Dewan —  
   Mendahului, 35  
   Kelakuan ahli-ahli, 37  
   Mesyuarat hendaklah diam bila Pengerusi berucap, 38  
   Mempunyai motif yang jahat, 32(6)  
   Gangguan, 33  
   Perkara yang tidak ada kena mengena, 40(1)  
   Boleh berucap sekali lagi bila ada persoalan baru, 31(5)  
   Tidak boleh berucap setelah selesai dikemukakan, 42(1)  
   Mengarahkan ucapan kepada Pengerusi, 31(1)  
   Mengguna bahasa kesat dan menghina, 32(4)  
   Kepentingan kewangan diri, 31(7)  
   Keputusan berkenaan dengan apa-apa perkara tatacara mesyuarat oleh Pengerusi, 39  
   Keutamaan dalam berucap, 31(1)(2)  
   Menimbang semula apa-apa perkara yang telah diputuskan, 32(3)  
   Membaca ucapan, 31(6)  
   Sebutan mengenai apa-apa perkara yang sub judis, 32(2)  
   Menyebut seseorang ahli menggunakan nama, 32(5)  
   Merujuk kepada, atau membayangkan, orang-orang tertentu, 32(7)(8)(9)  
   Tidak ada kaitan, 323(1), 34(1)(2)  
   Berucap lebih daripada sekali, 31(3)(4)  
   Kenyataan untuk membuktikan, 32(6)  
   Berulang-ulang menyebutkan hujah, 40(1)  
   Masa dan cara berucap, 31(1)  
   Perkataan yang mungkin membangkitkan perasaan niat jahat atau bermusuhan-musuhan, 32(10)(c)  
 Skop —  
   Pindaan, 34(1)(3)(4)  
   Rang Undang-Undang, 34(1), 52(1), 58(1)  
   Usul, 34(5); Untuk menangguhkan Dewan, 34(1)(2); Untuk menangguhkan perbahasan, 34(5); dalam Jawatankuasa, 34(5)  
   Relevan, 34(1)(2)

## **Persidangan**

Ditangguhkan apabila habis mesyuarat, 13  
 Maknanya, 90  
 Urusan Kerajaan didahulukan daripada semua urusan yang lain-lain, 12(1)  
 Pukul berapa dimulakan, 9(1)

Aturan Urusan Mesyuarat, dihantar kepada ahli-ahli, 6(3)  
Speaker boleh melantik seorang ahli jadi pengerusi sementara, 4(4)  
Mengetuakan Mesyuarat, 4(1)  
Menempohkan persidangan —  
    Kuasanya, 9(2)  
    Pada bila-bila masa oleh Speaker, 9(2)  
    Jika berlaku kekacauan besar, 40(9)  
Masanya mengganggu persidangan, 13(2)

### **Pertanyaan-Pertanyaan kepada Menteri**

Yang ditujukan kepada ahli-ahli selain daripada Menteri, 18(2)  
Yang tidak dibenarkan, 20(2)(3)  
    Sebab-sebabnya, hendaklah diberitahu kepada ahli yang bertanya, 20(3)  
Untuk dijawab mulut —  
    Dihadkan banyaknya, 19(3)  
    Menandakannya, 19(3)  
    Jawapan bertulis, 19(3)  
Cara mengeluarkannya dan menjawabnya, 21(1)(2)  
Perkara-perkara yang boleh dikeluarkan, 18(1)(2)  
Boleh dikeluarkan oleh siapa-siapa ahli lain, 21(2)  
Tidak boleh dijadikan helah hendak berbahas, 21(4)  
Pemberitahu, 19(1)(2)  
    Dimasukkan dalam Buku Mesyuarat, 6(3)  
Menangguhkan, 21(2)  
Perkara fakta, 18(3)  
Menteri boleh enggan menjawab, 21(3)  
Peraturan berkenaan dengan gaya dan isi pertanyaan, 20(1)  
Pertanyaan tambahan, 21(3)  
Masanya yang diuntukkan, 19(4), 21(5)  
Masanya mengeluarkan pertanyaan, 11(1)(g)  
Speaker mengawalinya, 20(2), 21(3)  
Menarik balik pertanyaan, 21(2)(6) —  
Jawapan bertulis daripada Menteri, 21(2)(6) —  
    Mengucapkan dalam Penyata Rasmi, 21(2)(6)

### **Penerangan Sendiri oleh Ahli, 22**

Isi penerangan yang disediakan, dihantar kepada Speaker, 22  
Masa membuat, 11(1)(/)

## Perisytiharan Memanggil Dewan

Pemberitahuan kepada ahli-ahli, 6(1)  
Bacaan oleh Setiausaha, 1

## Petisyen

Mengenai Rang Undang-undang Ahli Dewan biasa dan Campuran, 46(3)  
Memperkenankan dan ditandatangani oleh Speaker, 16(2)(d)  
Dikemukakan oleh Setiausaha, 16(2)(d)  
Bahasanya hendaklah beradab, 16(1)(a), 16(2)(e)  
Ahli-ahli tidak boleh membawa petisyen sendiri, 16(2)(c)  
Usul mencadang hendaklah dibacakan, 16(4)(a)  
Tidak boleh dibahas, 16(4)(b)  
Berkenaan dengan Rang Undang-Undang, 46(3), 49  
Doa, 16(2)(a)  
Membawa ke dalam Mesyuarat, 16(1)(a)  
    Aturannya, 16(3)(4) —  
    Masanya, 11(1)(f)  
Dihantar untuk dibahaskan dan sebagainya, 16(2)(h)  
Meminta pemberian, sanggup atau perbelanjaan daripada wang Kerajaan,  
dan sebagainya, 16(1)(b)  
Tandatangan, 16(2)(a), 16(2)(e)

## Rang Undang-Undang

Pindaan-pindaan kepadanya, mengenai cukai, perbelanjaan dan sebagainya,  
79  
Fasal-fasal dibahagikan kepada fasal diberi nombor, 47(l)(a)  
Menghantar kepada Jawatankuasa, 51 —  
    Usul kerana itu, 51(2) masalah dikemukakan serta merta dan diputuskan  
    dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, 51  
Jawatankuasa Seluruh Dewan —  
    Pindaan dalam Jawatankuasa, 52(2); tidak dibenarkan, 54(3)(4); cara  
    mencadangkan masalah, 54(5);  
    Fasal-fasal, menangguhkannya, 54(6)  
    Menamatkan perjalanan Mesyuarat, 54(12)(13); usul memaklumkan  
    kepada Dewan masalah atasnya hendaklah diputuskan dengan tidak  
    dibenarkan dipinda atau dibahas, 54(12)  
    Formula pengkanunan undang-undang, tidak boleh dikemukakan, 54(11)  
    Fasal-fasal baru, menimbangkannya, 54(7)(8); pindaan kepadanya, 54(8);

masalah-masalah dicadangkan, 54(8) Pendahuluan, menimbangkannya, 54(10); pindaan kepadanya, 54(10)  
Asas Rang Undang-undang tidak boleh dibahaskan dalam Jawatankuasa, 52(2)  
Aturan dalam Jawatankuasa, 54  
Laporan perjalanan urusan, usul kerana itu, 53  
Jadual-jadual, menimbangkannya, 54(9)  
Kepala Rang Undang-undang, pindaan kepadanya, 52(3), 54(11); tidak boleh dikemukakan, 54(11)  
Menepati Peraturan-peraturan Mesyuarat, 47(l)(d), 47(2)  
Isi-isinya, jangan keluar daripada tujuan kepalanya, 47(l)(c)  
Pembetulan kepada kesalahan tatabahasa dan sebagainya, 48(2)  
Perkataan ringkas menunjukkan isi fasal-fasal, 47(l)(b)  
Membahagikan kepada ahli-ahli, 47(3), 50(2)  
Penerangan ringkas, 47(3)  
Gaya Rang Undang-undang, 47(l)  
Berkenaan dengan cukai, perbelanjaan dan sebagainya, 75  
Akan Batal, 61  
Pihak yang terjejas olehnya, 49  
Menangguhkan, 59  
Diterbitkan dalam Warta, 48  
Ahli Dewan biasa dan campuran —  
Salinannya dihantar kepada Setiausaha, 46(1)  
Belanja memajukannya, 46(8)  
Bacaan kali yang pertama, 46(1)  
Rayuan, 46(3)  
Diiklankan, 46(1)  
Mengecap dan menghantar kepada ahli-ahli, 46(1)  
Hak-hak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Banginda Yang di-Pertuan Agong dan Lain-lainnya, 46(2)  
Jawatankuasa, dihantar kepada, 46(3); faedah kewangan bagi diri ahli-ahli, 46(4)(a); Pemasalahan ahli-ahli, 46(4); keterangan, 46(5); dimaklumkan kepada Dewan, 46(6); memasukkan fasal-fasal baru, 46(7); pindaan-pindaan dalam Jawatankuasa, 46(6)  
Daripada Ahli-ahli Dewan biasa —  
Permintaan hendak mengeluarkan, 45(1); gayanya, 45(2); tujuan-tujuan dan perkara-perkara besar, 45(1); menghantar kepada Setiausaha, 45(3)  
Bacaan Kali Yang Pertama, 45(3)  
Mengecap dan menghantar kepada ahli-ahli, 45(4)  
Menghantar kepada Menteri, 45(4)  
Penyata berkenaan dengannya, 45(4)

- Bacaan Kali Yang Kedua, 45(5)
- Daripada Kerajaan —
  - Bacaan Kali Yang Pertama, 44
  - Membawa ke dalam mesyuarat, 44, masanya, 11(1)(m)
  - Mengecapnya, 44, dilonggarkan syarat berkehendak dicap, 62
  - Penerbitan, di dalam Warta selepas dipersetujui, 48(1)
  - Soalan mengenainya, untuk bacaan kali yang kedua tentang Rang Undang-undang lain yang mengandungi peruntukan sama yang tidak dikemukakan semasa mesyuarat, 60
- Menyerahkan sekali, 56
- Menyerahkan sekali lagi Rang Undang-undang yang telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan, 56(1); prosedur, 57(1)(2)(4)
- Penyata Jawatankuasa Pilihan —
  - Ditimbang oleh Dewan, 57
- Bacaan Kali Yang Kedua —
  - Usul mencadangkan bacaan kali yang kedua, 50(3);
  - Perbincangan, 50(3); pindaan terhadap rang undang-undang yang ditolak, 50(4)
  - Pemberitahu, 44, 50(1), 50(4)
- Jawatankuasa Pilihan —
  - Pindaan dalam Jawatankuasa Pilihan, 55(2)
  - Peraturan dalam Jawatankuasa, 55(1)
- Bacaan Kali Yang Ketiga, 54(13), 57(2) —
  - Usul, pindaan dan had perbincangan, 58(1);
  - Membetulkan kesilapan sebelum dikemukakan, 58(2)
  - Menarik balik, 59

## **Rang Undang-Undang Perbekalan**

- Menyerah, 65(4)
- Jawatankuasa Perbekalan —
  - Menguntukkan bilangan hari perbincangan, 65(6)
  - Skop Perbincangan, 65(3)
  - Perbincangan, 65(3)(5)
  - Jadual, pertimbangan, 65(6)(8); diselesaikan dahulu, 65(9);
  - Pindaan, pemberitahuan, 65(5)(6); Pertambahan amaun peruntukan, 66(3)
- Pengenalan kepada, 63, 64, 65(1)
- Penyata dikemukakan kepada Dewan, 66(17)
- Bacaan Kali Yang Kedua —
  - Perbincangan, penangguhan, 65(3); Menguntukkan hari, 65(3); skop, 65(3)
  - Pada hari yang sama, 44

Bacaan Kali Yang Ketiga —

Usul untuk memutuskan tanpa pindaan atau perbahasan, 66(18)

### **Rang Undang-Undang Perbelanjaan Akaun**

Skop perbahasan di dalam Bacaan Kali Yang Kedua, 68(1)

Jawatankuasa —

Pindaan hanya boleh dibincangkan oleh Menteri, 68(2); persoalan mengenai apa-apa pindaan, 68(3); persoalan diputuskan tanpa perbahasan, 68(3)

Maklum kepada Dewan, 68(4)

Bacaan Kali Yang Ketiga, memutuskan tanpa pindaan atau perbahasan, 68(4)

### **Rang Undang-Undang Perbekalan, Tambahan**

Menyerah, 67(4)

Jawatankuasa Perbekalan —

Dipertimbangkan tanpa perbahasan, 67(4)

Prosedur, 67(5)(6)

Bacaan Kali Yang Kedua

Skop ke atas Perbahasan, 67(4)

Penyata kepada Dewan, 67(7)

Bacaan kali Yang Ketiga, 67(8)

Usul untuk memutuskan tanpa pindaan atau perbahasan, 67(8)

### **Rang Undang-Undang Ahli Dewan Biasa**

Susunan, dalam urusan mesyuarat, 12(4)

### **Rekod dan Surat-surat**

Menyimpannya, 6(7)

Boleh ditengok, 6(7)

### **Saksi**

Belanjanya, 85

Senarai Saksi, 75(10)

## **Setiausaha Dewan**

Menjalankan Sumpah, 3(1)

Kewajipannya —

Berkenaan dengan Rang Undang-Undang, 47

Berkenaan dengan tidak hadir Speaker dan sebagainya, 4(2)

Menyimpan Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 6(5)

Menyediakan Buku Mesyuarat, 6(3)

Membaca Pengisytiharan Memanggil Dewan, 1

Bertanggungjawab menjaga rekod dan surat-surat, 6(7)

Menghantar pemberitahu mesyuarat dan penggal-penggal mesyuarat, 6(1), 8(2)(3)

Menghantar saliran Aturan Urusan Mesyuarat, 6(3)

Menjaga kerja menyediakan salinan ucapan, 7(1)

## **Sokongan Kerajaan**

Usul berkehendakkan sokongan kerajaan, 23(2)

Rayuan berkehendakkan sokongan kerajaan, 16(1)(b)

## **Speaker —**

Apabila tiada hadir, 4

Menetapkan hak ahli-ahli hendak bercakap bila dikeluarkan usul menangguhkan mesyuarat, 14(2)

Menguntukkan kerusi kepada ahli-ahli, 2

Mengumumkan masa memutuskan, 11(1)(e)

Melantik ahli Pengerusi sementara, 4(4)

Undi Pemutus, 41(1), 43(3)

Pengerusi Jawatankuasa Majlis, 4(1)

Membilang jumlah ahli di dalam Dewan, 10(3)(4)

Keputusannya berkenaan dengan peraturan mesyuarat, mentafsirkan maksud Peraturan Mesyuarat dan apa-apa perkara kelaziman, 39, 86

Memerintahkan bagaimana hendak dicap Penyata Rasmi, 7(2)

Menandatangani Undi-Undi dan Perjalanan Mesyuarat, 6(6)

Menandatangani rayuan-rayuan, 16(2)(d)

Termasuk ahli-ahli lain yang jadi Pengerusi kecuali jika disebutkan terang-terang iaitu tidak termasuk Speaker, 4(6)

Boleh menempohkan mesyuarat pada bila-bila masa, 9(2)

Menetapkan hari mesyuarat, jika Dewan ditangguhkan dengan

tidak ditetapkan hari mesyuarat, 8(2)  
Menyebutkan nama ahli, 40(2)(3)  
Mengetuai mesyuarat sebagai Pengerusi, 4(1)  
Kuorum tidak termasuk Speaker, 10(1)  
Kuasa-kuasanya yang tinggal lagi, 87  
Tanggungjawab menjaga tertib dalam mesyuarat, 39  
Dalam masa tangguhan, boleh memanggil mesyuarat dahulu  
daripada hari yang ditetapkan bagi mesyuarat, 8(3)

## **Sumpah**

Dijalankan oleh Setiausaha, 3(1)  
Ikrar, ganti sumpah, 3(4)  
Caranya, 3(1)  
Mengangkat Sumpah —  
Ahli-ahli, 1; 3(2); pada masa Dewan dalam tangguhan, 3(3)  
Masanya ahli-ahli baru, mengangkat sumpah, 11(1)(c)

## **Tertib dalam Dewan**

Kelakuan ahli-ahli, 37  
Pengerusi hendaklah didengar cakapnya dengan diam, 38  
Kelakuan tiada senonoh, 40(1)(2)  
Jika berbangkit kekacauan besar, kuasa Pengerusi, 40(9)  
Perkara-perkara tiada berkaitan, berulang-ulang menyebutnya, 40(1)  
Usul menggantung daripada jadi ahli, 40(4)  
Menyebutkan nama ahli, 40(2)(3)(4)(5)  
Perkara-perkara peraturan, keputusan Speaker adalah muktamad, 39; 83  
Ahli digantung kerja sebagai ahli, 40(6)(7)  
Speaker bertanggungjawab untuk memerhati Peraturan, 39  
Mengeluarkan ahli-ahli, 40(2)(7)(8)

## **Titah**

Titah Yang di-Pertua Negeri dalam Aturan Urusan Mesyuarat, 11(1)(d)

## **Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat**

Dihantar kepada ahli-ahli, 6(5)  
Menyimpannya, 6(7)  
Daftar belah-bahagian, 43(1)



Kesilapan, 6(6)  
Boleh ditengok oleh ahli-ahli, 6(7)  
Disimpan oleh Setiausaha, 6(5)  
Hal-hal yang hendak dituliskan didalamnya, 6(6), 17(3)  
Ditandatangani oleh Speaker, 6(6)

## **Undi**

Ahli-ahli yang tidak hadir, 41(2)  
Memunggut suara, 42(3)  
Faedah Kewangan Ahli, 43(5)  
Rang Undang-Undang Ahli Dewan biasa, 46(4);  
Usul membatalkan undi, 43(5)

## **Urusan Mesyuarat**

Menangguhkan mesyuarat apabila habis urusan mesyuarat, 13  
Yang ditetapkan bagi hari mesyuarat kemudian dimasukkan dalam Buku Mesyuarat, 9(1)  
Urusan Mesyuarat —  
    Ditetapkan oleh Ketua Menteri apabila Dewan dipanggil dalam tangguhan, 8(3)  
    Peraturannya, sebagaimana yang baik pada pandangan Kerajaan, 12(2)  
    Peraturan berkenaan dengan urusan Ahli Dewan Biasa, 12(1)  
Usul berkenaan dengan susunannya, masa mencadangkan, 11(l)(n)  
Ahli-ahli Dewan biasa —  
    Susunannya dalam Aturan Urusan Mesyuarat, 12(3)(4)  
Masanya mengeluarkan pertanyaan, 11(l)(g), 21(5)  
Memulakan balik urusan mesyuarat, setelah selesai usul  
Menangguhkan mesyuarat menurut Peraturan 15, 15(4)  
Urusan yang tertentu, bebas daripada diganggu, 9(1) — ditentukan oleh Speaker 9(2)

## **Urusan Kerajaan *lihat* di bawah Urusan Umum**

## **Usul**

Menangguhkan Mesyuarat apabila habis urusan—  
    Perbahasan atasnya, 14(1)  
    Ahli-ahli mencadangkan, 13(3)  
    Masa mengeluarkannya, 13(1)  
    Kerana merundingkan perkara kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, 15

Mengubah, 25

Pindaan kepadanya, 27 —

Pindaan kepada pindaan, berkaitan, 27(2); pindaan baru, 29(4)(d); masa mencadangkan, 29(5)(a)

Mengeluarkan perkara yang hanya boleh dikeluarkan dengan usul, 27(3)

Menyokongnya, 28(1)

Masa mencadangkan, 29(3)

Hendaklah dengan surat, 27(5)

Menarik balik, 30(1)(2)

Yang ditarik balik boleh dicadangkan semula, 30(1)

Perbincangan berkenaan dengan pindaan, 29(1)

Meminda Peraturan Mesyuarat, 69(1)(b)(i)

Menanguhkan mesyuarat kepada haribulan lain —

Masanya hendaklah dicadangkan, 9(2)

Dibebaskan urusan tertentu daripada diganggu —

Boleh dicadangkan pada bila-bila masa, 9(1)

Pemberitahu, *lihat* Usul Pemberitahu

Mencadangkan persoalan *lihat* Persoalan daripada Pengerusi

Meminta pemberian, tanggapan atau perbelanjaan wang Kerajaan dan sebagainya, 23(4)

Menyokongnya, 28(1)—

Dalam Jawatankuasa, 28(2)

Hendak diambil perkara lain dengan tidak megikut susunan —

Boleh dikeluarkan dengan tidak berkehendakkan pemberitahu, 11(2)

Hendaklah diambil dahulu daripada urusan-urusan lain, 11(2)

Menarik balik, 30(1)(2)

Yang ditarik balik boleh dicadangkan semula, 30(1)

## **Usul Ahli Dewan Biasa**

Keutamaan, dalam Aturan Mesyuarat, 12(3)

## **Wakil Akhbar**

Kebenaran hendak hadir dalam mesyuarat Dewan, 84